

Jilid I  
Bil. 2



Hari Rabu  
6hb November, 1974

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 39]

### PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 39]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 57]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 58]

Lantikan Ketua Pembangkang—

Y.B. Tuan Edmund Langgu anak Saga [Ruangan 59]

Cuti Y.B. Tun Datu Haji Mustapha—Kebenaran [Ruangan 59]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 60]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 75]

### USUL-USUL:

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat—Pemilihan [Ruangan 76]

Merakamkan Ucapan Terima Kasih kepada bekas Yang di-Pertua Dewan Rakyat [Ruangan 77]

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 82]

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara—Lantikan Pengerusi [Ruangan 84]

Jawatankuasa Pemilih—Lantikan Ahli-ahli [Ruangan 85]

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 86]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

---

Hari Rabu, 6hb November, 1974

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SIR HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,  
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAHD, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) yang di-Pertua, TUN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S., (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).

Yang Berhormat TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).

- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Pemas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.K. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

Yang Berhormat TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).

- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

#### YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

#### YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik.)

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud.

## PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA

TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata Rasmi Parlimen.

TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

**Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:**

Beta mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala yang telah melimpahkan rahmatNya untuk Beta menyampaikan Titah Ucapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kedua-dua Dewan Parlimen bersempena upacara pembukaan resmi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Keempat pada hari ini. Ini adalah kali yang kedua Beta melafazkan Titah Ucapan dalam tahun ini, dan upacara ini diadakan setelah selesai pilihanraya nasional.

Beta berasa amat sukacita kerana pilihanraya nasional baru-baru ini telah berjalan dengan aman tanpa apa-apa gangguan dan kejadian yang tidak diingini. Kejayaan pilihanraya tersebut membuktikan bahawa rakyat Beta mempunyai keyakinan penuh dan berpegang teguh kepada sistem demokrasi berparlimen di negara ini. Sukacitalah di sini Beta melafazkan penghargaan kepada semua pihak yang berkenaan, terutamanya Suruhanjaya Pilihanraya yang telah menyediakan jentera pilihanraya dan Pasukan Keselamatan yang membolehkan pilihanraya itu berjalan dengan selamatnya.

Bersempena dengan hari yang bersejarah ini Beta amat sukacita mengalu-alukan sekalian Ahli Dewan Parlimen, terutamanya ahli-ahli Dewan Rakyat. Kepada mereka Beta mengucapkan tahniah di atas kejayaan masing-masing kerana dipilih untuk mewakili rakyat di Dewan yang mulia ini. Beta berharap tuan-tuan dan puan-puan akan menjalankan tanggungjawab memberi khidmat seperti yang telah diamanahkan oleh rakyat dengan penuh dedikasi, tenaga dan kejujuran, bagi membawa seluruh rakyat mencapai mercu kebahagiaan dan taraf hidup yang lebih tinggi dalam suasana aman damai.



Dalam hubungan ini Beta mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Beta, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, yang kita kasehi, di atas kejayaan cemerlang di dalam pilihanraya yang lalu, dengan mendapat mandat yang besar dan kepercayaan yang kuat daripada rakyat untuk membentuk Kerajaan baru. Dengan adanya kestabilan politik dan penyatuan pendapat rakyat, ini merupakan pertanda yang baik ke arah mencapai perpaduan seluruh rakyat di negara ini. Oleh itu Kabinet bertindak yang baharu dibentuk itu berazam memikul segala tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Beta sukacita melihat bahawa ramai Anggota Kerajaan terdiri daripada golongan muda yang akan dapat memberikan sumbangan kepada negara di samping menambahkan pengalaman dan kecekapan yang berguna pada masa hadapan.

Beta juga bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana keadaan keselamatan dalam negeri pada keseluruhannya adalah terkawal. Keadaan di negeri Sarawak juga telah bertambah baik dan hampir puleh dari ancaman saki baki pengganas kominis. Dengan adanya suasana keselamatan yang bertambah baik rakyat Beta akan dapat memainkan peranan masing-masing dengan sepenuhnya dalam menjayakan rancangan-rancangan pembangunan negara. Walau bagaimanapun sekalian rakyat hendaklah sentiasa berwaspada terhadap perubahan strategi dan taktik pengganas kominis yang sentiasa menanti peluang untuk menimbulkan kekacauan. Beta yakin semua pihak yang cinta dan menghargai keamanan akan terus bekerjasama dengan Kerajaan untuk mengekalkan kesejahteraan dan ketenteraman negara.

Dengan adanya perpaduan yang lebih erat dan kestabilan politik dan keadaan keselamatan yang bertambah baik maka dapatlah kita hadapi akan cabaran-cabaran dalam lapangan sosial dan ekonomi pada tahun-tahun hadapan dengan lebih yakin lagi. Dalam Titah Ucapan Beta yang lalu Beta telah menyentuh mengenai masalah kenaikan harga barang-barang atau inflasi yang dihadapi oleh negara pada masa itu dan langkah kewangan dan juga fiskal yang telahpun diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan bebanan inflasi ke atas rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Langkah-langkah tersebut telahpun memberi kesan. Walau bagaimanapun tanda-tanda jelas menunjukkan bahawa seluruh dunia akan terus mengalami kemerosotan ekonomi. Dunia sekarang adalah dipengaruhi oleh aliran yang menuju kepada satu keadaan apa yang dinamakan oleh pakar ekonomi sebagai stagflasi. Keadaan ini sudah pun terlebih dahulu dirasai oleh negara-negara perindustrian, iaitu satu keadaan inflasi yang berterusan beserta dengan keadaan ekonomi semakin merosot dan pengangguran semakin merebak. Sebagai sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan luar, Malaysia adalah terdedah kepada pengaruh ekonomi dunia. Ini akan menyebabkan harga barang-barang eksport negara kita akan semakin jatuh. Kerajaan Beta memandang berat hal ini dan berazam mengambil tindakan supaya segala dasar dan rancangan akan dilaksanakan untuk mengurangkan kesan yang dibawa oleh stagflasi itu. Langkah-langkah untuk menghadapi masalah ini akan diuraikan dengan panjang lebar apabila Kerajaan mengumumkan Belanjawan tahun 1975 pada minggu hadapan.

Bagi menghadapi keadaan yang akan dialami oleh kita semua itu, sukalah Beta menyeru kepada semua lapisan rakyat menyesuaikan pemikiran, sikap dan cara hidup untuk menghadapi tekanan ekonomi ini semoga kita semua tidak terlalu menanggung akibatnya. Adalah wajar bagi kita mengambil langkah-langkah seperti mempergiatkan usaha menambahkan pengeluaran barang-barang makanan asas yang mencukupi dan mengurangkan impot bahan-bahan seperti itu. Dengan cara yang demikian negara kita tidaklah sangat bergantung kepada barang-barang makanan yang diimport dengan harga yang tinggi. Kita hendaklah memperbanyakkan industri yang menggunakan barang-barang mentah tempatan seperti getah, kayu-kayan, kelapa sawit

dan juga hasil ternakan dan perikanan. Langkah-langkah yang Beta sebutkan itu hanya berjaya dengan penyertaan dan kerjasama seluruh rakyat. Matlamat kita ialah menuju ke arah berdikari dalam serba segi.

#### **Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:**

Beta suka mengingatkan juga dalam menghadapi masalah stagflasi ini kita janganlah berputus asa tetapi hendaklah menyedari kekuatan yang ada pada kita, kerana lazimnya cabaran-cabaran ada juga membawa peluang-peluang kebaikan yang tersembunyi. Negara kita dianugerah dengan tanah yang subur, hasil bumi yang kaya, pengurusan yang cekap dan sifat dinamis dan ketabahan hati di kalangan rakyat Beta yang boleh digunakan dengan sepenuhnya.

Sejajar dengan langkah untuk menambahkan bekalan makanan kita sendiri, agensi-agensi Kerajaan akan memainkan peranan yang lebih giat lagi bagi menambahkan pengeluaran di samping menjalankan penyelidikan bagi meninggikan mutu dan hasil bahan-bahan tanaman dan perikanan. Kawasan-kawasan pertanian juga akan diperluaskan lagi.

Di dalam bidang menggunakan kekayaan bumi negara, Beta gembira kerana kita berada di satu ambang baru ekonomi dengan penemuan sumber petroliaam dan gas asli. Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana di saat negara-negara lain terus mengalami krisis tenaga kita bertuah menjumpai sumber tenaga kita sendiri.

Kerajaan Beta telahpun menubuhkan Perbadanan Petroliaam Nasional iaitu PETRONAS, yang diberi kuasamilik dan kawalan ke atas semua perkara-perkara berkaitan dengan petroliaam di samping menyertai secara aktif di semua peringkat perusahaan itu dari pengeluaran hinggalah kepada pengedaran. Dengan ini Kerajaan akan dapat menentukan bahawa rakyat dan negara akan mendapat menafaat yang sebesar-besarnya dari kekayaan hasil bumi ini. Ini adalah sesuai dengan hasrat kita untuk berdikari di dalam semua lapangan seperti pengeluaran baja, bahan-bahan mentah bagi membuat plastik dan lain-lain barang yang ada kaitan dengan perusahaan petroliaam. Oleh yang demikian ramai rakyat kita akan berpeluang mendapat pekerjaan dan memperolehi kemahiran. Dalam perusahaan petroliaam ini peluang-peluang baru akan muncul dan perkara ini tidak dapat tidak akan menolong Kerajaan Beta terus melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Walaupun Kerajaan Beta berhasrat untuk dapat berdikari dalam semua lapangan, Kerajaan akan terus menggalak penanaman dan pelaburan modal asing untuk faedah negara dan juga terus menawarkan galakan-galakan yang paling menarik. Kestabilan politik di negara ini merupakan jaminan yang teguh terhadap pelaburan modal asing. Sungguhpun begitu pelaburan demikian hendaklah mematuhi panduan-panduan yang telahpun ditetapkan bagi pemilikan dan penguasaan ekonomi. Selain daripada itu pemodal asing harus juga menyedari hasrat rakyat dan Kerajaan untuk membangunkan negara dalam semua bidang pembangunan. Pelabur-pelabur asing boleh memainkan peranan masing-masing dalam proses tersebut untuk kepentingan bersama seperti melatih warganegara dalam bidang-bidang kemahiran yang khusus dan pengurusan perindustrian yang tinggi.

Kerajaan Beta akan terus memperluaskan perdagangan antarabangsa dan mencari pasaran baru bagi bahan-bahan utama negara di pasaran dunia terutama di negara-negara Arab dan negara-negara sahabat di Asia Barat.

Dalam bidang memperluaskan perhubungan darat, udara dan laut, Kerajaan akan memperbanyakkan perkhidmatan terutamanya di sektor dalam negeri untuk merapatkan perhubungan di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dengan negeri-negeri Sabah dan Sarawak di samping memperbaiki juga perkhidmatan di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Jalanraya-jalanraya akan terus di bina dan diperbaiki. Lebohraya-lebohraya

yang akan akhirnya menghubungkan Kota Kinabalu dengan Kuching, Pantai Timur dengan Pantai Barat Sabah sedang dilaksanakan. Rancangan serentak TV Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dijangka akan dimulakan pada akhir tahun 1975, iaitu sebaik-baik sahaja setesyen setelit bumi di Sabah disiapkan. Baharu-baharu ini bagi kali pertamanya, kita telah menyiarkan siaran serentak Pertandingan Membaca Quran Peringkat Antarabangsa ke Kuwait melalui setesyen setelit bumi di Kuantan. Bagi perkhidmatan talikom pula, usaha yang lebih akan ditumpukan untuk memoden dan mengembangkan kemudahan-kemudahan itu bagi memenuhi keperluan rakyat terutamanya kawasan-kawasan kurang maju di mana perusahaan-perusahaan baru digalakkan. Usaha-usaha dalam bidang perhubungan yang Beta sebutkan, selain daripada merupakan sebahagian proses pembangunan dan pemodenan negara, adalah juga merupakan satu usaha untuk menjalin perpaduan dan untuk mengujudkan identiti nasional di kalangan rakyat.

Kerajaan Beta akan terus berusaha untuk memberi kemudahan-kemudahan sosial dengan seluas-luasnya, supaya lebih ramai lagi rakyat dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas dalam kehidupan mereka sehari-hari. Dalam bidang kesihatan, Kerajaan berazam meninggikan lagi taraf kesihatan rakyat. Usaha-usaha seperti membina hospital-hospital baru, membaiki keadaan yang ada, menambahkan bilangan doktor dan lain-lain anggota akan terus dilaksanakan. Di sini sekalian rakyat Beta hendaklah mengambil berat dan memainkan peranan masing-masing ke arah mencapai matlamat Kerajaan.

Dalam bidang perumahan awam, Kerajaan Beta akan melaksanakan pemikiran baru dan akan terus memberi pinjaman wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat melaksanakan rancangan-rancangan perumahan awam khasnya kepada mereka yang berpendapatan rendah dan tidak mempunyai rumah yang sempurna. Rancangan-rancangan perumahan segera bagi anggota-anggota berpangkat rendah Pasukan Tentera dan Polis akan juga dilaksanakan. Dalam segala rancangan perumahan itu perhatian yang berat akan diberi kepada penggunaan bahan-bahan binaan tempatan seperti kayu-kayuan dan sebagainya supaya harga rumah-rumah itu menjadi rendah dan boleh dibina dengan lebih banyak dan cepat lagi. Pemaju-pemaju perumahan swasta juga hendaklah menceburkan diri mereka dengan lebih giat lagi terutamanya di kawasan-kawasan di mana keadaan perumahan adalah mendesak.

Dalam titah ucapan Beta yang lalu, Beta telah menyebutkan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung baru mengenai tanah dan rundingan-rundingan yang telah dibuat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut. Beta mendapat ketahui Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju menimbang untuk memberi milik secara kekal kepada tanah-tanah di kampung-kampung baru dengan syarat-syarat dan perjanjian yang berpatutan. Dengan itu, penduduk-penduduk kampung baru boleh mengharapkan pemilihan tanah yang lebih terjamin serta juga mendapat kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Dalam bidang pelajaran pula Kerajaan Beta akan sentiasa mengkaji dan mensesuaian sistem pelajaran kebangsaan untuk memenuhi keperluan pembangunan negara, kemajuan sains dan teknologi serta melahirkan warganegara yang berakhlak tinggi. Sebuah Jawatankuasa Kabinet telapun ditubuhkan bagi menyemak pelaksanaan dasar pelajaran untuk mengetahui samada ianya berkesan dan berjaya mencapai matlamat negara mengujudkan rakyat yang bersatu-padu, berdisiplin dan terlatih dengan memberi timbangan khas kepada kurikulum dan kepada menentukan samada ianya menepati kehendak-kehendak negara terhadap tenaga manusia, dalam jangka pendek dan jangka panjang. Kajian ini akan dijalankan berpanduan kepada rangka dasar pelajaran kebangsaan.

Pembangunan ekonomi hendaklah juga disertai dengan pembangunan kerohanian terutamanya dikalangan muda-mudi. Pembangunan akhlak tidaklah harus diabaikan. Usaha memupukkan akhlak yang mulia dikalangan rakyat memerlukan didikan dan pelajaran akhlak yang lebih mendalam dikalangan rakyat Beta.

Kerajaan Beta berazam mempertahankan kedaulatan undang-undang di negara kita. Tindakan-tindakan yang dijalankan oleh mana-mana pihak hendaklah menepati lunas-lunas undang-undang demi kebahagiaan dan ketenteraman hidup rakyat sekalian. Kerajaan Beta tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang mengancam kebahagiaan dan ketenteraman hidup rakyat.

Dalam usaha melahirkan satu bangsa yang berdisiplin yang sangat diperlukan bagi menentukan kesejahteraan negara pada masa hadapan, rakyat Beta terutamanya kaum belia hendaklah mengamalkan sifat yang mulia sejajar dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

Kerajaan Beta sentiasa bersikap adil terhadap pekerja-pekerja serta melindungi kepentingan-kepentingan dan kebajikan mereka. Kerajaan Beta akan meninggikan kadar sumbangan dari pihak majikan dan pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja memandangkan kepada hakikat kadar sumbangan itu telahpun ditetapkan beberapa tahun dahulu. Langkah ini adalah bertujuan untuk kebaikan pekerja-pekerja sendiri apabila mereka bersara kelak.

Negara kita memainkan peranan yang aktif dalam Pertubuhan Buruh Antarabangsa iaitu ILO, dan mengambil bahagian yang cergas dalam aktiviti-aktivitinya yang menyebabkan kita dihormati dan disanjung. Pekerja-pekerja hendaklah menyedari hakikat ini. Oleh itu Beta menyeru kepada sekalian pekerja, kesatuan sekerja dan majikan supaya bertanggungjawab dan sentiasa mengutamakan kepentingan negara, lebih-lebih lagi dalam keadaan negara menghadapi masalah stagflasi. Mereka hendaklah juga mengambil kira akibat tindakan mereka kepada kedudukan ekonomi negara.

Dalam bidang luar negeri, Kerajaan Beta akan mempergiatkan dasar berbaik-baik dengan semua negara yang ingin bersahabat dengan negara kita tanpa mengira ideologi atau sistem politik mereka. Penubuhan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China membuka peluang-peluang perdagangan dan juga membolehkan rundingan-rundingan lanjut diadakan dengan negara itu untuk menyelesaikan masalah-masalah bersama. Kerajaan akan terus memainkan peranan yang aktif bagi mengeratkan perhubungan diplomatik dan perdagangan dengan negara-negara Islam. Dengan adanya perhubungan diplomatik, Kerajaan berharap akan dapat mengadakan lebih banyak perdagangan, pelaburan modal, usaha bersama, bantuan teknik, kerjasama dalam bidang ugama dan lain-lain. Beta sendiri tidak berapa lama lagi akan berangkat melakukan lawatan ke negara-negara Bangladesh, India dan Pakistan untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan kita dengan negara-negara itu. Beta juga bercadang berangkat membuat lawatan tidak resmi ke negara Arab Saudi untuk menunaikan fardu haji.

Dalam rangka kerjasama serantau, Kerajaan Beta menerusi ASEAN akan mengambil tindakan bersama untuk menentukan tindakan-tindakan yang diambil oleh negara-negara perindustrian yang besar tidak menjejaskan kepentingan ekonomi negara-negara ASEAN sendiri. Kerajaan Beta akan bekerjasama dengan negara-negara ASEAN yang juga merupakan pengeluar bahan-bahan mentah dunia yang penting supaya dapat mempengaruhi dan menentukan kestabilan harga bahan-bahan seperti bijih timah, getah dan sebagainya. Pertubuhan ASEAN juga boleh memainkan peranan yang lebih luas meliputi semua aspek untuk kepentingan bersama seperti kerjasama di dalam perdagangan dan perindustrian, pelaburan modal, usaha bersama, perhubungan kebudayaan dan sebagainya.

*Negara kita telah menempuh berbagai rintangan dan berjaya mengatasi rintangan-rintangan tersebut. Beta menyeru seluruh rakyat supaya insaf dan bersiap sedia menghadapi masa depan negara dengan penuh azam, tabah dan disiplin untuk kita terus berjaya dalam segala usaha ke arah mencapai sebuah masyarakat yang adil dan saksama.*

**Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:**

*Akhirkata, Beta berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wataala moga-moga dianugerahi taufik dan hidayahNya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan.*

*The English Translation is as follows:*

**Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:**

*I give thanks to Almighty God for His blessings which has enabled me to deliver this address before Honourable Members of both Houses today on the occasion of the official opening of the First Meeting of the First Session of the Fourth Parliament. This is the second occasion that I address Parliament this year and this time after the national election.*

*It is indeed gratifying that the recent national election was held peacefully. This proves that the people firmly believe and uphold the concept of parliamentary democracy. In this respect I would like to thank all concerned particularly the Election Commission and the security forces for their respective roles in the election.*

*On this historic occasion, it is with pleasure that I welcome all the Members of Parliament, especially Members of the Dewan Rakyat. I would like to congratulate them on their successful election to represent the people in this honourable House. I hope that Honourable Members will carry out their responsibilities which have been entrusted on to them by the people with dedication, vigour and integrity so that the people would achieve a higher standard of living in an atmosphere of peace and harmony.*

*I would also like to take this opportunity to congratulate our beloved Prime Minister, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, for the success he gained at the recent elections when he secured a big mandate and the solid confidence of the people to form a new government. Political stability and solidarity amongst the people augur well for achieving national unity. The new action-oriented Cabinet is determined to carry out fully all its responsibilities. I am pleased to note that many of the Members of the Government consist of young people who will be able to make their contribution to the nation beside also gathering experience and instilling greater efficiency that would be useful for the future.*

*It is right that we should give thanks to Almighty God that the security situation in the country is under control. In Sarawak, the situation continues to improve and the State is nearly free from the menace of the remnants of the communist terrorists. With the improved security situation, the people will be able to play a greater role in national development. However, the people should always be vigilant because the communist terrorists keep changing their tactics to find opportunities to create trouble. I am confident that all those who love peace will continue to cooperate with the Government in maintaining peace and tranquility.*

*With greater unity and political stability and with the security situation improving, the country will be able to face more vigorously challenges in the social and economic fields in the years ahead. In my previous address I referred to the problem of inflation which this nation faced and to the fiscal and monetary measures taken by the Government to lessen the effects of inflation especially on those with low income. The measures taken have been effective. However, there is a clear indication that the world will continue to face deterioration in*

*the economy. It is entering a phase which is known as stagflation. The industrial world is already facing this problem when there is continuing inflation and at the same time recession and increasing unemployment. Malaysia, being a country dependent on foreign trade, is naturally exposed to developments in the world economy. As such the prices of our export commodities can be expected to decline further. My Government is taking a serious view of this and is determined to ensure that its policies and programmes will lessen the effects of stagflation on the people. The steps which will be taken to face this problem will be explained in detail when my Government presents its Budget for 1975 next week.*

*In facing the expected economic stress, I call upon all the people to adapt their way of thinking, their attitudes and their way of life so that we will not be too badly affected. We should take appropriate measures such as intensifying our efforts to produce sufficient basic foodstuff. In this way our country will not be too heavily dependent on highly-priced imported foodstuff. The number of industries using local raw materials such as rubber, timber, palm oil and also livestock should be increased. All these measures that I have mentioned will only succeed with the cooperation and active participation of the people. Our objective is to be self-reliant in all fields.*

**Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:**

*In facing the problem of stagflation we should not despair but we should be aware of our strength because normally challenges will also bring about hidden opportunities for the better. Our country is endowed with fertile land, rich natural resources and we have efficient management and also the dynamism and resilience of the people all of which must be utilised to the full.*

*Government agencies will play their due role in increasing food production. In the field of agriculture, research will be carried out to increase the quality and quantity of agricultural produce. The same will apply in the case of fishery. More land will be brought under agriculture.*

*With regard to the exploitation of natural resources, it is indeed gratifying to note that we are entering a new economic dimension with the discovery of petroleum and natural gas. We must all give thanks to Almighty God for at a time when other countries are facing an energy crisis, we are blessed with our own energy resources.*

*My Government has established the Perbadanan Petroliaam Nasional, i.e., PETRONAS, which has been given ownership and control of all matters relating to oil and at the same time taking an active part at all levels of the industry from production to marketing. In this way, my Government will be able to ensure that the people will get the fullest benefit from our rich natural resources. This is in line with our objective to be self-reliant in fields such as fertilizers, raw materials for plastics and other commodities relating to the petroleum industry. Many of our people will have the opportunity to get employment and to acquire new skills. There will be new opportunities in the petroleum industry and this will undoubtedly help my Government in implementing the New Economic Policy.*

*Although my Government intends to be self-reliant in all fields, it will continue to encourage foreign capital investments by continuing to offer very attractive incentives. Political stability in the country is an assurance for foreign capital investments. However, such investments will have to abide by the guidelines which have already been set out. Foreign investors should realise the desire of the people and the Government to develop the country in all fields. Foreign investors should play their respective roles for mutual benefit in such matters as training citizens in special skills and in management.*



*My Government will continue to increase international trade and will find new markets for our commodities in the world market especially in Arab countries and friendly countries in West Asia.*

*In the field of land, air and sea communications, my Government will expand such services, especially domestic services, so as to foster closer relationship between those who live in Peninsular Malaysia with those in the States of Sabah and Sarawak whilst at the same time improving communications in Peninsular Malaysia. More roads will be constructed and improved. Highways which will eventually link Kota Kinabalu and Kuching and also the east and the west coasts of Sabah are being constructed. Simultaneous T.V. programmes for Sabah, Sarawak and Peninsular Malaysia are expected to begin towards the end of 1975, that is, as soon as the earth satellite station in Sabah is completed. Recently for the first time we had live telecast of our International Quran Reading Competition to Kuwait via the earth satellite station at Kuantan. As regards telecommunications services, greater efforts will be made in modernising and expanding such services to fulfil the needs of the people especially in the less developed areas where new industries are being encouraged. These improvements in the field of communications will not only serve national development and modernisation but also promote national solidarity and national identity amongst the people.*

*My Government will continue to provide social facilities to enable more people to enjoy basic amenities. In the field of health, my Government is determined to raise the health standard of the people. Efforts such as building new hospitals, improving existing facilities in the hospitals, increasing the number of doctors and other staff will continue to be carried out. In this respect, the people should carry out their responsibilities and play their part in achieving the Government's objective in improving health.*

*With regard to public housing, my Government will adopt a new approach and will continue to give loans to State Governments to enable them to implement public housing schemes especially for those with low incomes and who are badly housed. Crash housing schemes for the rank and file of the Armed Forces and the Police will also be carried out. In these schemes, my Government is encouraging the use of local construction material such as timber and other material so as to ensure that the prices are low and that more houses can be built at a faster rate. Private housing developers should also play a bigger role especially in building houses in areas where the housing problem is acute.*

*In my previous address, I touched on the land ownership problem faced by new villagers and the negotiations with State Governments to overcome it. I note that the State Governments have agreed to consider granting permanent land titles to new villages on reasonable terms and conditions. As a result, new villagers can expect greater security in land tenure whilst at the same time enjoying other basic facilities.*

*In the field of education, my Government will review and adjust the national education system from time to time to meet the needs of national development, scientific and technological progress as well as to produce citizens with high morals. A Cabinet Committee has been established to appraise the implementation of the education policy to ascertain whether it is effective and successful in achieving our national objective of producing united, disciplined and trained citizens and also whether it is in line with the national manpower requirements, both in the short-term and the long-term. In its review, the Committee will also give special attention to the curriculum. This appraisal will be conducted within the framework of the national education policy.*

*Economic development must also be accompanied by spiritual development especially amongst the youths. Moral development should not be neglected. Efforts to foster high morals among the people require comprehensive and proper moral training and education.*

*My Government is determined to defend the rule of law in this country. Action from any quarter should be in conformity with the rule of law in the interest of happiness and tranquility of all the people. My Government will not hesitate to take stern measures against those who endanger the people's peace and happiness.*

*In our effort to produce a disciplined nation which is essential to ensure our future well-being, our people especially the youth, should practise good characteristics in accordance with the principles of the Rukunegara.*

*My Government has always adopted a just attitude towards workers and has protected their interests and their welfare. My Government will increase the rate of contribution by employers as well as employees towards the Employees Provident Fund in view of the fact that the present rate was determined several years ago. This is for the betterment of the workers themselves when they retire.*

*Malaysia takes an active part in the International Labour Organization, that is the ILO. We are respected and favourably looked upon by the Organization. The workers should realize this fact. I, therefore, call upon all workers, trade unions and employers to be responsible and always give priority to the national interest more so at a time when the nation is facing the problem of stagflation. They should also take into account the consequences of their action on the national economy.*

*In the field of foreign relations, my Government will continue to pursue vigorously the policy of friendship with all countries that wish to be friendly with us regardless of their ideology or political system. The establishment of diplomatic relations with the People's Republic of China paves the way for greater trade opportunities and further discussions to solve mutual problems. The Government will continue to play an active role in bringing about closer diplomatic and trade relations with Islamic countries. Through the strengthening of our diplomatic links, my Government hopes to have more trade, capital investment, joint-ventures, technical assistance and cooperation in religious and other matters. I will soon be paying a State visit to Bangladesh, India and Pakistan to further strengthen our relationship with these nations. I will also be visiting to Saudi Arabia to perform the Haj.*

*Within the framework of regional cooperation, by Government, through ASEAN will take steps jointly to ensure that the action taken by major industrial countries do not endanger the economic interests of ASEAN nations. My Government will cooperate with other ASEAN nations which are major producers of raw materials so that prices of commodities such as tin ore, rubber and others are stable. ASEAN can in addition play a bigger role in many fields for the mutual benefit of member nations, such as cooperation in trade and industry, capital investment, joint-ventures, cultural relations and the like.*

*Our nation has faced various problems in the past and has succeeded in overcoming them. I call upon all the people to be ready to equip themselves in facing the nation's future with full determination, resilience and discipline so as to ensure greater success in our efforts to create a just society.*

**Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:**

*I pray to Allah that HE may bestow HIS blessings upon you in the discharge of the responsibilities that have been entrusted upon you.*



## MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mem-persetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat yang lalu. Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan), 1974;
2. Akta Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun), 1974;
3. Akta Politeknik Ungku Omar, 1974;
4. Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) (Pindaan), 1974;
5. Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan), 1974;
6. Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan), 1974;
7. Akta Perbekalan Tambahan (1973 dan 1974), 1974;
8. Akta Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan), 1974;
9. Akta Racun Makhlok Perosak, 1974;
10. Akta Doktor Veterinar, 1974;
11. Akta Persekutuan Pengakap-pengakap Malaysia, 1974;
12. Akta Pengangkutan Melalui Udara, 1974;
13. Akta Pemegang Amanah (Pindaan), 1974;
14. Akta Kemajuan Petroliaam, 1974;
15. Akta Kumpulanwang Kutu (Pengesahan), 1974;
16. Akta Galakan Pelaburan (Pindaan), 1974;
17. Akta Bank Simpanan Nasional, 1974;
18. Akta Bahan Letupan (Pindaan), 1974;
19. Akta Senjata (Pindaan), 1974;
20. Akta Pembasmi Malaria (Pindaan), 1974;
21. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan), 1974; dan
22. Akta Pelajaran (Pindaan), 1974.

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan kepadanya oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dewan Negara telah mempersetujuan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Acara Kewangan dan Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun);
3. Rang Undang-undang Politeknik Ungku Omar;
4. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973 dan 1974);
8. Rang Undang-undang Persatuan Nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Racun Makhlok Perosak;
10. Rang Undang-undang Doktor Veterinar;
11. Rang Undang-undang Persekutuan Pengakap-pengakap Malaysia;
12. Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara;
13. Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam;
15. Rang Undang-undang Kumpulanwang Kutu (Pengesahan);

16. Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan);
17. Rang Undang-undang Bank Simpanan Nasional;
18. Rang Undang-undang Bahan Letupan (Pindaan);
19. Rang Undang-undang Senjata (Pindaan);
20. Rang Undang-undang Pembasmi Malaria (Pindaan);
21. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan); dan
22. Rang Undang-undang Pelajaran (Pindaan);

Tandatangan:

*Yang di-Pertua Dewan Negara*”.

## LANTIKAN KETUA PEMBANGKANG

**Y.B. Tuan Edmund Langgu anak Saga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah saya memaklumkan iaitu saya telah menerima sepucuk surat daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat dari sebahagian Parti Pembangkang yang bertarikh 4hb November, 1974 yang menyatakan bahawa seramai 18 orang Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat dari pihak Pembangkang telah bersetuju atas pemilihan dan perlantikan Y.B. Tuan Edmund Langgu anak Saga, Ahli bagi Saratok, sebagai Ketua Pembangkang selama tempoh setahun mulai 4hb November, 1974.

Oleh kerana kebanyakan daripada Ahli-ahli Pembangkang dalam Dewan Rakyat menyokong cadangan ini, maka saya mengiktirafkan dengan rasminya bahawa Yang Berhormat Tuan Edmund Langgu anak Saga sebagai Ketua Pembangkang.

## CUTI Y.B. TUN DATU HAJI MUSTAPHA—KEBENARAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah saya memaklumkan iaitu menurut kuasa yang diberi kepada saya, saya telah membenarkan Yang Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, Ahli bagi Marudu, untuk bercuti daripada menghadiri persidangan-persidangan Parlimen selama setahun mulai daripada hari ini, 6hb November, 1974.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### ELAUN BANTUAN KHAS KEPADA PESARA-PESARA

**1. Tuan Tan Cheng Bee** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai lagi orang-orang pencen di Pulau Pinang dan Seberang Perai bukan sahaja tidak menerima wang Elaun Bantuan Khas mereka sejak bulan Oktober, 1973, bahkan mereka juga tidak menerima Perubahan Pencen sejak Kerajaan meluluskan pembayaran itu yang berkuatkuasa dari tahun 1973.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah bersimpati dengan kedudukan pesara-pesara yang masih belum menerima pembayaran Elaun Bantuan Khas dan juga Pemulihan Pencen Penuh. Tetapi kedudukan sebenarnya tidaklah begitu buruk. Kebanyakan pesara-pesara telahpun menerima bayaran tersebut. Hanya beberapa orang pesara sahaja yang belum menerima bayaran itu. Mereka ini adalah pesara-pesara dalam golongan mereka yang mempunyai perkhidmatan campuran iaitu mereka yang berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan dan dengan Kerajaan Negeri-negeri Selat di mana faedah pencennya harus dibahagi-bahagikan. Tiap-tiap kes ini berkehendakkan kajian yang detail dan oleh itu menyebabkan kelambatan di atas perkara ini. Walau bagaimanapun, saya sukacita memaklumkan bahawa usaha memproses pembayaran itu kepada pesara-pesara sekarang telahpun selesai dan pembayaran berkenaan bolehlah dibuat pada bulan ini.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan apa sebab syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Tan Sri Syed Zahiruddin tidak dilaksanakan, walaupun beliau di dalam Dewan ini telah berjanji Kerajaan akan melaksanakan semua syor-syor yang tersebut.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, mana-mana syor yang dapat dilaksanakan telah dilaksanakan. Barangkali harus setengah-setengahnya belum dapat dilaksanakan oleh sebab-sebab yang tertentu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada baru-baru ini saya menerima surat pendek tentang pencen. Dengan izin Tuan, saya ingin bacakan sedikit daripada surat ini yang ditandatangani oleh Syed . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini masa soal-jawab. Kalau ada apa-apa daripada butir-butir surat itu kemukakan dengan cara soal atau pertanyaan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar kebanyakan pesara-pesara termasuk Syed Harun bin Syed Osman, 47—A, Jalan Raja Arau, Perlis telah menyatakan bahawa beliau tidak dapat apa-apa bantuan khas atau wang yang disyorkan oleh Tan Sri Syed Zahiruddin, dan beliau menyatakan kalau Kerajaan tidak melaksanakan syor-syor itu dengan segera, "kami merasa kesal sebelum kami mati", katanya.

**Perdana Menteri:** Tentulah saya tak boleh hendak jawab di atas perkara ini sekarang ini, bolehlah dijalankan siasatan dan saya cadangkan Ahli Yang Berhormat bolehlah melanjutkan surat itu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (PSD) ataupun beliau sendiri berhubung dengan saya sendiri.

## PILIHANRAYA UMUM— KEHILANGAN NAMA PENGUNDI

**2. Dr Tan Chee Khoon** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai rakyat Malaysia telah dinafikan hak mereka untuk mengundi dalam pilihanraya umum yang lalu; jika ya, samada beliau akan membentuk suatu Suruhanjaya Penyiasat yang diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi untuk mengkaji sebab-sebab kehilangan pengundi dan mengesyorkan langkah yang wajar untuk mengatasi keadaan ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ramai nama-nama pengundi yang telah ketinggalan atau dilucutkan nama mereka dari buku daftar pilihanraya. Perkara ini berlaku oleh kerana beberapa sebab. Sebab yang besar ialah adanya pendaftaran lebih dari sekali (double registration). Di dalam proses membetulkan

nama-nama pengundi berkenaan mungkin terdapat keciciran beberapa nama-nama pengundi-pengundi lain. Sebab-sebab lain ialah kematian dan juga pertukaran alamat yang tidak diberitahu.

Saya suka menyatakan bahawa sebuah Jawatankuasa Penyelidikan telah ditubuhkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk menyiasat lebih lanjut lagi tambahan sebab-sebab ketinggalan nama-nama pemilih dari daftar pemilih. Dari itu, saya berpendapat tidaklah perlu dibentuk pula satu Suruhanjaya Penyiasat yang diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi, kerana suruhanjaya Pilihanraya ini adalah satu badan bebas yang mempunyai tanggungjawab menjalankan tugas-tugasnya sendiri.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun Suruhanjaya Pilihanraya ialah satu badan yang bebas mengapakah Kerajaan oleh sebab beratus ribu pengundi namanya telah ketinggalan atau tercicir atau dilucutkan daripada Daftar Pengundi, mereka tidak dapat mengundi. Mengapakah Kerajaan tidak boleh menubuhkan atau membentuk suatu Suruhanjaya Khas yang diketuai oleh seorang Hakim Besar untuk disiasat kerana perkara ini paling penting terhadap demokrasi di tanahair kita?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi pihak Election Commission telahpun mengadakan Jawatankuasa sendiri untuk menyiasat perkara ini. Sebab-sebabnya keciciran itu saya telah terangkan tadi; masalaahnya sekarang ini ialah untuk membetulkan perkara ini dan menjaminan perkara itu tak berlaku lagi pada masa yang akan datang. Pihak Kerajaan adalah mengambil berat atas perkara ini dan Jemaah Menteri telah melantik dua orang Menteri iaitu Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar dan Peguam Negara untuk berunding dengan Election Commission bagi menimbangkan perkara itu dan mencari jalan dan cara-cara untuk hendak menjamin perkara itu tidak berlaku pada masa yang akan datang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ketinggalan beratus ribu pengundi daripada Buku Daftar Pengundi, ini satu kejadian yang terbesar yang mempengaruhi dan mengurangkan kepercayaan rakyat jelata mengenai keputusan pilihanraya besar, bolehkah Kerajaan menimbang mengadakan pindaan-pindaan kepada undang-

undang pilihanraya mengenakan compulsory registration atau wajib mendaftar yang boleh mengelakkan kesemua kejadian ketinggalan nama pengundi daripada Buku Daftar Pengundi?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi perkara ini adalah dalam siasatan dan kita mestilah menunggu keputusan daripada siasatan itu. Seperti saya terangkan tadi sebab yang besarnya ialah adanya double registration dan double registration ini disebabkan ada penyokong-penyokong parti-parti Pembangkang yang menggalakkan pemilih-pemilih atau voters untuk menjalankan double registration. Inilah yang menimbulkan perkara ini menjadi kusut dan sebab itulah kita terpaksa membetulkan register dan dengan sebab itulah perkara keciciran telah timbul.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan tadi pihak Pembangkang ada menggalakkan pengundi-pengundi mendaftarkan nama dua kali (double registration). Apakah bukti beliau dan bolehkah beliau berjanji pihak Kerajaan atau parti daripada Barisan Nasional tidak menggalakkan pengundi-pengundi mendaftarkan namanya dua kali?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah diberitahu kepada pihak polis dan terpulang kepada pihak polis bagi menyiasat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju bahawa Suruhanjaya Pilihanraya ada komputer yang boleh membetulkan pendaftaran dua kali (double registration)? Apa yang lebih mustahak ialah untuk semua warganegara boleh menggunakan hak-hak Perlembagaan mereka pergi mengundi dan mustahak setiap warganegara ada didaftarkan sebagai pengundi. Perkara double registration bila dibandingkan bukanlah sebegitu mustahak.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini tidak payah dibesarkan sangat, kerana menurut keterangan yang saya dapat daripada Suruhanjaya Pilihanraya hanyalah ada 4,133 orang sahaja yang telah memberitahu nama-nama mereka itu telah ketinggalan. Ini adalah lebih kurang .01% daripada pengundi-pengundi di seluruh negara kita.

## PILIHANRAYA UMUM— DAFTAR PENGUNDI

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa nama seramai sesuku juta pengundi telah tertinggal dari Buku Daftar Pengundi dalam pilihanraya baru-baru ini dan jika ya,

- (a) samada beliau akan menubuhkan satu Suruhanjaya Penyiasatan daripada semua parti untuk menyiasat sebab-sebab ketinggalan nama-nama pemilih yang begitu ramai;
- (b) samada beliau akan memastikan bahawa pendaftaran dan pemeriksaan pengundi dijalankan dengan dasar sepanjang tahun; dan
- (c) samada beliau akan mengesyorkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya meminta bantuan daripada semua parti politik dalam pendaftaran pengundi.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jawapannya ialah sama seperti jawapan saya sebentar tadi.
- (b) Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji kemungkinan menjalankan pendaftaran dan penyemakan semula pendaftaran sepanjang tahun.
- (c) Kerajaan tidak bercadang membuat pengesyoran kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk meminta bantuan dari parti politik dalam pendaftaran pengundi kerana Kerajaan yakin dan percaya Suruhanjaya Pilihanraya dapat menjalankan kerja-kerja pendaftaran itu dengan sempurna.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar masa untuk pendaftaran pengundi, seumpamanya, tahun ini mulai daripada 3hb November dan tamat pada 17hb November, iaitu 15 hari sahaja masa itu tidak mencukupi langsung untuk warganegara di tanahair kita mendaftarkan namanya. Mengapakah Suruhanjaya Pilihanraya tidak mendaftarkan nama pengundi sepanjang tahun seperti telah ditimbul atau dibangkitkan di dalam Dewan ini beberapa kali pada masa yang lalu?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi perkara ini adalah dalam timbangan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar perkara ini dan soal ini telah saya bangkitkan pada 5-6 tahun dahulu, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jawapan yang serupa. Berapa lama lagikah Kerajaan akan menimbang soal ini sebelum Kerajaan menerima dan melaksanakan cadangan saya ini?

**Perdana Menteri:** Saya fikir tentu tak lama macam itu. Abli Yang Berhormat itu silap faham. Walau bagaimanapun, keputusan pilihanraya tak akan berubah.

#### PILIHANRAYA UMUM—NAMA PENGUNDI HILANG

**4. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar** bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) adakah benar bahawa dalam pilihanraya yang baru lepas ini banyak terdapat nama-nama pengundi telah hilang dari buku daftar pilihanraya. Jika ya, nyatakan bagaimana perkara ini boleh berlaku;
- (b) berapakah dalam anggaran Suruhanjaya Pilihanraya nama-nama pengundi yang telah hilang dari buku daftar pilihanraya;
- (c) dapatkah Kerajaan memberi jaminan bahawa perkara kehilangan nama pengundi dari senarai daftar pilihanraya ini tidak akan berlaku lagi pada masa hadapan; dan
- (d) adakah terdapat dalam senarai buku daftar pilihanraya nama-nama pengundi yang telah mendaftar lebih dari sekali. Jika ya, apakah tindakan akan diambil ke atas mereka ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang serupa sebentar tadi. Di samping itu nama-nama pemilih telah hilang disebabkan oleh adanya pemilih-pemilih yang gagal memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya apabila mereka itu berpindah ke tempat-tempat lain.
- (b) Sebenarnya lebih daripada 300,000 nama-nama pemilih telah dipotong dan gugur daripada daftar pemilih dan

kebanyakannya, iaitu 244,103 nama-nama di dalam daftar pemilih yang berdaftar lebih dari sekali. Dalam pada itu 58,036 orang ialah disebabkan kematian.

- (c) Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa waspada supaya kehilangan nama pengundi daripada senarai daftar pemilih tidak berlaku dan sebenarnya nama pengundi tidak akan hilang kecuali sebab-sebab yang disebutkan tadi.
- (d) Seperti saya sebutkan tadi, sebenarnya terdapat sebanyak 244,103 nama pemilih yang telah mendaftar lebih daripada sekali. Sebahagian daripada mereka telahpun dilaporkan kepada pihak Polis yang pada masa ini masih menjalankan penyiasatan yang teliti.

**Tuan Luhut Wan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kerajaan akan menimbang memberi masa yang lebih panjang lagi untuk mendaftarkan nama-nama pengundi di Negeri Sarawak oleh kerana keadaan di negeri itu adalah tidak sama seperti mana yang kita alami di Semenanjung Malaysia ini. Saya harap pihak Kerajaan dapat mempertimbangkan perkara ini supaya memberi masa yang lebih panjang sedikit untuk mengambil nama-nama para pengundi supaya semua orang dapat mengundi semasa pilihanraya umum.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi kita sedang menimbang samada patut atau tidak diadakan pendaftaran bagi sepanjang tahun. Ini akan dijalankan bagi seluruh Malaysia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Di bawah sistem sekarang untuk mengelakkan pemotongan nama pengundi-pengundi daripada Buku Daftar Pengundi sungguhpun mereka tidak berpindah, bolehkah satu amalan baru digunakan di mana sebelum setiap nama pengundi-pengundi dipotong Suruhanjaya Pilihanraya menghantar surat atau notis kepada mereka bahawa kehendak-kehendak Suruhanjaya Pilihanraya memotong nama mereka, dan jikalau mereka tidak berpindah memberi peluang kepada mereka memaklumkan kepada Suruhanjaya kenyataan itu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir semua perkara ini akan timbul dalam siasatan yang sedang dijalankan.

## Y.B. LIM KIT SIANG KE SARAWAK— LARANGAN

**5. Tuan Ting Ling Kiew** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab maka Tuan Lim Kit Siang, seorang Ahli Parlimen Malaysia tidak dibenarkan masuk ke Kuching baru-baru ini apabila beliau hendak melawat Sarawak dan siapakah yang melarang kemasukan beliau.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang tidak dibenarkan masuk ke Kuching baru-baru ini kerana dia tidak mempunyai kebenaran masuk daripada Kerajaan Negeri Sarawak yang berkuasa penuh mengenai hal ini.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kita sedar Kerajaan Negeri Sarawak ada kuasa untuk menolak permohonan seorang warganegara Malaysia memasuki Sarawak, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa The Inter-Governmental Agreement yang memberi Negeri Sarawak kuasa ini boleh menyiasat supaya semua rakyat Malaysia daripada Semenanjung Malaysia mahupun Sabah boleh dibenarkan memasuki Sarawak dengan sukarela.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sanggup memberi pengakuan bahawa semua rakyat boleh masuk ke sana. Mana yang tidak baik takkan kita hendak benarkan.

Yang keduanya, soal kajian semula ini adalah sentiasa dibuat di antara kedua pihak.

## KAMPUNG-KAMPUNG BARU— LUASKAN SEMPADAN

**6. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan, samada beliau akan menimbang dengan serius pengambilan tanah estet yang berhampiran atau berdekatan dengan kampung-kampung baru bagi meluaskan sempadan kampung-kampung baru sebagai satu langkah mengatasi kekurangan tanah, dan menghadapi bilangan, penduduk yang bertambah-tambah di dalam kampung-kampung baru dan bilakah kertas putih mengenai kampung-kampung baru akan diumumkan.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif):** Tuan Yang di-Pertua, tindakan mengambil atau membeli estet yang berhampiran atau berdekatan dengan kampung-kampung baru bagi meluaskan sempadan sesebuah kampung baru sebagai satu langkah mengatasi kekurangan tanah adalah tertakluk kepada keadaan tiap-tiap kampung baru yang berkenaan. Langkah ini juga hanya dapat dijalankan jika pengambilan tanah-tanah tersebut tidak memakan belanja yang berlebihan dan adanya wang bagi maksud tersebut. Jika ada tanah Kerajaan Negeri yang berhampiran dengan kampung-kampung baru, Kementerian saya akan berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi maksud yang sama. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan meneliti dan mengkaji dengan telitinya syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Merujuk kepada soal kertas putih mengenai kampung-kampung baru, Kementerian saya tidak akan mengadakan satu kertas putih seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Akan tetapi rancangan-rancangan yang tegas dan berkesan akan disediakan pada tiap-tiap rancangan 5 tahun Kerajaan Malaysia dan pada masa ini Kementerian saya sedang giat menyediakan projek-projek untuk Rancangan Malaysia Ketiga.

**Tuan Oh Keng Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tentang kertas putih (white paper) itu saya dapat tahu telah dijanjikan oleh bekas Menteri Kampung-kampung Baru akan siap dalam masa enam bulan. Mengapakah sekarang Setiausaha Parlimen yang berkenaan itu mengatakan kertas putih itu tidak siap dalam masa enam bulan. Bolehkah Menteri berkenaan menjelaskan dengan penuh tentang perkara ini.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):** Berkenaan hal itu iaitu bekas Menteri telah berjanji mengadakan satu kertas putih atas perkara ini adalah tidak berasas.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen berkenaan sedar di Kampung Baru Jinjang yang di bawah perintah Wilayah Persekutuan ada tanah kosong yang luas. Bolehkah Kementerian beliau siasat perkara

ini supaya tanah Kerajaan itu boleh diberi kepada penduduk-penduduk di Kampung Baru Jinjang.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi jika ada tanah Kerajaan Negeri yang berhampiran dengan kampung baru itu, Kementerian saya akan berhubung dengan Kerajaan Negeri.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, maka Kementerian ini akan cuba menyiasat.

**Tuan Oh Keng Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tentang meluaskan kampung baru ialah satu cadangan yang dijanjikan oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya. Bolehkah Menteri berkenaan itu menjelaskan perkara ini supaya masalah-masalah dalam kampung baru akan dapat diatasi pada masa yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini am, berkenaan dengan masalah-masalah kampung baru. Soalan asal ialah berkenaan tanah. Menteri tak payah jawab.

#### LAWATAN KE CHINA

**7. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang, memandangkan hubungan diplomatik dengan Negeri China baru-baru ini, untuk:

- (i) melonggarkan undang-undang imigresen sekarang bagi membolehkan rakyat-rakyat Malaysia melawat Negeri China tanpa siasatan oleh Polis Cawangan Khas; dan
- (ii) membenarkan tanpa sekatan pengimpotan filem-filem, buku-buku, piring-hitam-piringhitam dan majallah-majallah dari Negeri China.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu seolah-olah berkehendakkan layanan istimewa terhadap negara Republik Rakyat China. Lawatan ke negeri China adalah sama dengan lawatan ke negeri Sosialis yang lain dan, tidak boleh diadakan peraturan yang khas bagi lawatan ke negeri itu.

Berkenaan dengan soalan yang kedua Kerajaan tidak menghalang pengimpotan perkara-perkara yang disebutkan itu dari mana sahaja asalkan benda-benda itu lulus tapisan dan tidak bertentangan dengan dasar Kerajaan mengawal ketenteraman dan keselamatan awam negara kita.

**Tuan Oh Keng Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri memberitahu mengapa permohonan melawat negeri China untuk medical telah lewat untuk disiasat oleh Special Branch selama 6 bulan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Itu soalan lain langsung, tidak ada kena-mengena dengan soal asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu tidak ada kena-mengena.

#### ANGGOTA-ANGGOTA POLIS— SIASATAN

**8. Tuan Ngan Siong Hing** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau telah menerima sepucuk surat daripada Ahli Yang Berhormat Wakil Kawasan Kinta berhubung dengan empat orang anggota polis yang tidak berpakaian seragam dari Kampung Bharu Kuala Kuang, Chemor yang didapati mengendalikan monitor kepunyaan Tetuan Kew Leong Huat Mine yang beralamat di No. 42/44, Jalan Bendahara, Ipoh pada 12hb September 1974;
- (b) samada beliau sedar bahawa seorang anggota polis, di hadapan seorang kopral Polis telah melepaskan lima das tembakan dari pistolnya kepada seorang peladang bernama Lan San Yak, pada 15hb September, 1974 tanpa alasan yang adil dan menasabah, di tempat yang sama; dan
- (c) samada Kementerian ini akan mengarahkan Biro Siasatan Negara untuk menyiasat kegiatan anggota-anggota polis itu dan Tetuan Kew Leong Huat Mine.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa perkara ini adalah masih dalam



siasatan polis yang mungkin dibawa ke mahkamah, dan demi kepentingan keadilan tidaklah wajar bagi saya membuat apa-apa lapuran berkenaan dengannya pada waktu ini.

### **RANCANGAN PERUMAHAN PEKERJA-PEKERJA BERSARA**

**9. Tuan Lew Sip Hon** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada pekerja-pekerja di ladang-ladang getah dan lombong-lombong bijih timah yang telah menghabiskan sebahagian besar masa hidup mereka bekerja tempat-tempat tersebut terpaksa keluar dari tempat-tempat tinggal mereka apabila mereka bersara. Jika ya, adakah beliau sebarang rancangan untuk menggalakkan ladang getah dan syarikat lombong menyediakan tempat-tempat kediaman di ladang getah atau di kawasan-kawasan lombong bijih timah yang telah dikerjakan untuk dijadikan tempat tinggal mereka. Adakah beliau memikirkan kemungkinan mengadakan undang-undang bagi syarikat ladang-ladang dan lombong-lombong supaya menyerahkan sebahagian daripada tanah mereka kepada Kerajaan dengan harga yang berpatutan untuk dibahagi-bahagikan dan digunakan oleh pekerja-pekerja yang bersara untuk membina rumah-rumah mereka setelah bersara kelak.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa pekerja-pekerja yang telah bekerja selama ini di ladang-ladang dan di kapal-kapal mengorek bijih atau di lombong-lombong bijih terpaksa mengosongkan rumah yang dibekalkan oleh majikan-majikan mereka apabila mereka bersara. Untuk mengatasi masalah ini, sebuah Jawatankuasa bertindak telah dibentuk oleh Y.A.B. Perdana Menteri dengan tujuan mencari kemungkinan mengadakan rancangan memiliki rumah bagi para pekerja yang sedang bekerja dalam perusahaan-perusahaan tersebut supaya dapat mereka membeli rumah-rumah sendiri semasa mereka masih bekerja. Kementerian saya telah memulakan rundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri berhubung dengan butir-butir mengenai pemberian kemudahan-kemudahan kepada satu atau dua rancangan perumahan tersebut yang dicadangkan untuk

dilancarkan sebagai projek-projek perintis. Oleh kerana itu adalah terlalu awal pada masa ini bagi menimbangkan mengadakan undang-undang.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Menteri berkenaan sedar bahawa Jawatankuasa bertindak yang diwujudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah ditubuhkan barangkali satu atau dua tahun yang lalu, tetapi mengapakah sehingga sekarang seorang pekerja daripada ladang-ladang getah atau lombong-lombong tidak diberi tanah atau diberi rumah seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan?

**Datuk Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar oleh sebab perkara ini berkaitan dengan tanah dan Kementerian-kementerian lain dan juga Kerajaan Negeri, terpaksa perkara ini mengambil masa sedikit dan oleh sebab saya hendak mengemaskan rancangan ini, itu pun satu dari sebabnya perkara ini mengambil masa.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan berapa lama lagi pekerja-pekerja akan menunggu sebelum mereka boleh dapat tanah atau rumah atau mereka terpaksa menunggu sehingga pilihanraya yang akan datang sebelum mereka boleh diberi tanah atau Kerajaan boleh menunaikan janji itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sudah menjawab kerana sebab-sebab yang disebutkan tadi akan mengambil masa sedikit.

### **KAMPUNG-KAMPUNG BARU— JAWATANKUASA KEMAJUAN KAMPUNG**

**10. Tuan Lew Sip Hon** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau bercadang menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan Kampung di Kampung-kampung Baru seperti J.K.K. yang telah sedia wujud sekarang ini di serata kampung untuk melaksanakan segala rancangan-rancangan pembangunan; jika ya, bila akan ditubuhkan dan bagaimana cara-cara melaksanakan penubuhannya.



**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya bercadang hendak menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan Kampung di Kampung-kampung Baru yang mempunyai tugas-tugas dan tanggungjawab yang serupa sebagaimana yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang telah ditubuhkan di peringkat-peringkat kampung-kampung yang lain supaya apa juga projek-projek pembangunan yang hendak dijalankan di kampung-kampung baru akan diuruskan menerusi Jawatankuasa ini.

Perbincangan mengenai penubuhan Jawatankuasa tersebut sedang dijalankan dengan pihak-pihak yang berkenaan.

### **RANCANGAN RUMAH-RUMAH BAGI PENDUDUK-PENDUDUK**

**11. Tuan Lew Sip Hon** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau sedar bahawa ada penduduk-penduduk yang telah tinggal beberapa tahun di kawasan-kawasan persendirian dalam bandar-bandar disuruh keluar meninggalkan tempat-tempat kediaman mereka; jika ya, apakah ikhtiar-ikhtiar beliau untuk mengadakan rancangan-rancangan seperti rumah-rumah untuk mereka itu yang dikeluarkan daripada tempat-tempat tersebut.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa penduduk-penduduk yang telah tinggal beberapa tahun di tempat-tempat kediaman persendirian dalam bandar-bandar dikehendaki keluar daripada tempat-tempat kediaman mereka itu. Walau bagaimanapun, saya ingin meminta jika boleh Ahli Yang Berhormat itu memberitahu saya butir-butir yang lebih lanjut supaya dapat Kementerian saya mengkaji perkara itu dan cuba mengambil tindakan yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut.

**Tuan Lew Sip Hon:** Berkenaan dengan jawapan Setiausaha Parlimen yang berkenaan. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa yang hendak disoalkan. Adakah Ahli Yang Berhormat hendak bertanya soalan tambahan?

**Tuan Lew Sip Hon:** Ini untuk penjelasan sahaja. Kalau tidak salah faham saya Yang Berhormat tadi kata boleh diberitahu di

mana-mana tempat, misalnya orang yang dikeluarkan, yang dihalau dari tempat itu, sebab-sebab kena dihalau tidak dapat perumahan rumah murah dan lain-lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta jelas lagi di atas jawapan tadi.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif:** Saya berharap jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat memberitahu kepada Kementerian ini dengan jelas apa yang telah diketahuinya mengenai masalah penduduk-penduduk sebagaimana yang disebutkannya itu maka bolehlah Kementerian ini menjalankan penyiasatan atau mengambil tindakan yang sesuai mengenai perkara itu.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar, pada masa dahulu apabila ada beribu-ribu setinggan di Kuala Lumpur dipindahkan maka Kerajaan Negeri Selangor memberi tanah kepada mereka. Bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan menjelaskan sekiranya sekarang ini setinggan-setinggan di Kuala Lumpur, di Wilayah Persekutuan yang diperintah oleh Kerajaan Pusat, kalau mereka dipaksa pindah, bolehkah Kerajaan Pusat berjanji yang mereka itu boleh dapat tanah sebelum mereka dipindahkan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini soalan hypothetical.

### **IJAZAH-IJAZAH UNIVERSITI— IKTIRAF**

**12. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan berniat menimbang sekali lagi untuk mengiktirafkan Ijazah-ijazah dari Universiti-universiti Nanyang, Taiwan, India dan Timur Tengah, dan nyatakan apa maksud "kepentingan negara" yang Kerajaan telah gunakan sebagai alasan kerana enggan mengiktirafkan ijazah-ijazah tersebut.

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah beberapa kali dibangkitkan di dalam Dewan ini dalam persidangannya yang lepas. Saya ingin menjelaskan iaitu Kerajaan telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan yang dipengerusikan oleh Yang Amat

Berhormat Datuk Hussein Onn. Jawatankuasa ini mengkaji ijazah-ijazah daripada semua negara di dunia termasuklah Indonesia, Taiwan, India, Asia Barat, Amerika Syarikat dan lain-lain. Jawatankuasa ini memutuskan pengiktirafan ijazah-ijazah berdasarkan kepada kajian akademik dan kepentingan negara. Tafsiran kepentingan negara dibuat oleh Kerajaan yang dilantik oleh rakyat. Setakat ini tidak ada bukti bahawa majority rakyat tidak bersetuju dengan tafsiran kepentingan negara yang dibuat oleh Kerajaan dan yang menjadi panduan kepada Jawatankuasa tersebut.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1975 dan bagi memperuntukkan wang itu dan lain-lain wang sebagaimana yang telah dibenar dikeluarkan untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan, dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1974)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1974 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan, dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN DAN KUMPULANWANG PEMBANGUNAN (PINDAAN) (No. 2)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Acara Kewangan, 1957 dan Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan, dibacakan kali

yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN (PERUNTUKAN- PERUNTUKAN KHAS)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran kelahiran dan kematian di kalangan Warganegara Malaysia yang berlaku semasa menunaikan haji ke Hedjaz; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PEMBAHAGIAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Pembahagian, 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

### **USUL-USUL**

#### **TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT—PEMILIHAN**

3.18 ptg.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua.

**Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya dengan amat sukacitanya memasyhorkan bahawa Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir bin Ismail telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. (*Tepuk*).

### **MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA BEKAS YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

3.19 *ptg.*

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas Perkhidmatan bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Y.B. Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berbahagia Tan Sri C. M. Yusuf telah dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini pada 25hb November, 1964, iaitu setelah Dewan ini meluluskan peraturan memilih seorang Speaker yang bukan Ahli Dewan. Semenjak tarikh itu, beliau memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Rakyat terus-menerus sehingga Parlimen Ketiga dibubarkan pada 31hb Julai yang lalu. Dengan itu bermakna perkhidmatan beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini hampir genap 10 tahun dan ini adalah satu tempoh yang agak lama dalam sejarah Parlimen Malaysia.

Sepanjang tempoh beliau menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat iaitu bagi Parlimen Kedua dan Ketiga beliau telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan adil dan saksama. Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Parlimen yang lepas tentu masih ingat lagi akan suasana hangat yang timbul semasa perbahasan dan juga semasa soal jawab. Bagaimanapun, suasana hangat itu dapat ditenteramkan berkat kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua Dewan Tan Sri C. M. Yusuf yang menerima penghargaan kita sekalian pada ketika itu. Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah masih ingat kepada beberapa peristiwa-peristiwa lucu dan penuh jenaka yang menggegarkan Dewan yang mulia ini. Sikap bijaksana dan magnanimity yang ditunjukkan oleh beliau semasa mengendalikan sidang Dewan Rakyat, akan tetap menjadi kenangan kita untuk selama-lamanya.

Sebagai Yang di-Pertua Dewan, Y.B. Tan Sri C. M. Yusuf bukan sahaja mempunyai pengalaman yang luas mengenai perjalanan sidang Parlimen, tetapi beliau juga mempunyai sifat-sifat pimpinan yang tinggi. Sesungguhnya Parlimen Kedua dan Ketiga amatlah bertuah mempunyai seorang Yang di-Pertua yang mempunyai pengalaman luas dan pengetahuan tinggi seperti Yang Berbahagia Tan Sri C. M. Yusuf. Beliau mempunyai scholastic background yang sukar ditandingi pada zamannya iaitu lulus daripada University Oxford and kemudian Inner Temple, London. Kelulusan seperti itu jarang benar didapati pada masa itu. Sebelum dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat, beliau memegang beberapa jawatan penting dalam Kerajaan yang meliputi beberapa bidang. Beliau pernah menjadi Ahli Majlis Hal Ehwal Ugama dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perak; Ahli Lembaga Bandaran Kinta; Ahli Lembaga Perumahan Persekutuan dan juga Ahli Lembaga Pemilihan Negeri Perak. Pada zaman sebelum merdeka, beliau pernah menjadi Ahli Majlis Negeri Perak dan Ahli Dewan Undangan Federal yang mana memberikan beliau pengetahuan dan pengalaman yang sangat berguna.

Memandang kepada perkhidmatan cemerlang yang telah diberikan oleh Tan Sri C. M. Yusuf kepada Dewan ini, saya dengan sukacitanya mencadangkan supaya Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada beliau dan juga ucapan selamat bersara dan doa mudah-mudahan beliau sentiasa berada dalam keadaan sihat wal'afiat.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan usul ini.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya menyokong usul ini.

3.21 *ptg.*

**Dr Tan Chee Khoo (Kemping):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sepatah dua tentang usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan disamping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walaupun saya tidak kenal dengan Tan Sri C. M. Yusuf sebelum beliau menjadi Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan ini, tetapi saya berasa beliau ialah seorang yang bijaksana dan beliau sentiasa menjaga keadilan di dalam Dewan ini.

(*Dengan izin*) Although many of us on this side of the House at times had felt the rough edge of his tongue and perhaps at that time we might have felt a little sore, I would say that he had at all times at least tried to be as fair as possible to all of us in this House. Coming as he had from a background of Oxford, one of the Inns of Courts, of the Federal Legislative Council and the State Legislative Council, no doubt he was eminently well equipped to discharge the duties of the Speaker of this House. I would say that during the almost ten years that he had been the Speaker of this House, which coincided with the years that I have served in this House, I must say that I have found him to be one who has been eminently fair to all of us, although I would say again that some of us had felt the rough edge of his tongue at times.

Mr Speaker, Sir, I do not like to think of a man who has been so active to have retired from public life. He has retired from this House, and I wish him well in whatever endeavours he may pursue after he has left this House.

3.24 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** (*Dengan izin*) Sir, I wish to support the sentiments expressed by the Honourable Prime Minister just now concerning the services rendered by the former Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. We also note that he has served this House and the people of Malaysia for the past ten years as the Yang di-Pertua Dewan Rakyat. While I personally have only been a Member of Parliament for the past five years, I can say with all sincerity that I feel that Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusof bin Sheik Abdul Rahman is a person of integrity both inside and outside the House. I had also the personal experience of serving with him in the Parliamentary Service Advisory Committee where he had expressed sentiments which

were sensible, honest and fair and similarly in this House too. The responsibility of the Speaker to be impartial is quite a difficult one, but yet he had carried out this task to the best of his ability considering the circumstances and while the D.A.P. has, on occasions, felt that some of his decisions have not been quite fair to us, but nevertheless we understand the conditions under which he had to work and we appreciate the difficulty of his task and feel that he has done his best. We also record our thanks to him for the many humorous jokes he had made in this House, making this House sometimes a pleasant place to debate in.

Therefore, the D.A.P. hopes that Yang Berhormat Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusof bin Sheikh Abdul Rahman will have a pleasant retirement. I am sure we all wish him well—the very best and good luck.

3.27 ptg.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan dalam usul ini dan menyokong terus apa yang telah dikatakan oleh pihak pemerintah dan juga dari pihak Pembangkang. Saya sendiri sudah menjadi Ahli Dewan ini selama lebih kurang 11 tahun, dan saya pun telah tahu dan juga cukup kenal dengan Tan Sri C. M. Yusuf yang telah menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini dalam tempoh lebih kurang 10 tahun. Pada fikiran saya sendiri dan juga rakan-rakan saya dari Parti SNAP, bahawa Tan Sri C. M. Yusuf ialah seorang yang fair and just dalam apa-apa perbincangan, atau apa-apa keputusan yang dibuat dalam Dewan Rakyat kita ini semenjak beliau menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Dengan kerana itu, saya hendak memberi ribuan terima kasih kepada beliau dan juga berharap semoga Allah dapat melanjutkan umurnya supaya beliau dapat hidup dengan senang semasa hayatnya di dalam dunia ini.

3.30 ptg.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka turut bersama mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berbahagia bekas Yang di-Pertua Dewan Rakyat iaitu Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusof yang telah bersara daripada menjadi Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu lama berada di bawah penyeliaan Yang Berbahagia itu hanya selama lima tahun. Tetapi selama lima tahun saya berada di bawah penyeliaan Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf, saya dapati bahawa selama beliau berada di kerusi yang mulia itu, beliau dapat menjalankan urusannya dengan keadaan selamat dan tenteram, dan bolehlah dikatakan menggembirakan Ahli-ahli Dewan ini, kerana kadang-kadang apa yang dijalankan oleh Tan Sri itu memang sengaja untuk mendatangkan kegembiraan dan kemeriahan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, dan saya adalah seorang yang paling banyak berceloteh dengan Yang Berbahagia Datuk Chik Mohamed Yusuf. Jadi dengan peluang ini saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas perkhidmatan yang diberi oleh Tan Sri itu kepada Dewan yang mulia itu dan saya rasa semua Ahli Dewan ini tahu bahawa kadang-kadang Tan Sri itu berpantun, lawak ketika mana di masa itu ada seorang Ahli pantun dalam Dewan ini iaitu Ahli dari Parit dan itu adalah satu cara untuk menggamatkan Dewan yang mulia ini dan membuka fikiran-fikiran kepada Ahli-ahli Dewan untuk mengeluarkan pendapat-pendapat baru untuk faedah kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya rasa bukan sahaja ucapan terima kasih perlu kita berikan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf, tetapi sedikit-sebanyak ganjaran perlu kita berikan sebagai ingatan kita kepada Yang Mulia Tan Sri itu, dan di samping kita berdoa agar beliau berkeadaan aman, selamat dan sejahtera dunia dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak saya memang berasa gembira sekali dengan perkhidmatan beliau dan saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan diharap beliau berada dalam keadaan selamat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap dalam Parlimen Yang Keempat ini tidak ada Ahli yang pandai berpantun, kerana saya tidak pandai menjawab. (*Ketawa*).

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Y.B. Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman.

## JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada apa-apa huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Parlimen hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.35 ptg.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sepatah dua tentang Usul yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong cadangan Kerajaan supaya jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong sentimen yang di dalam Dewan ini, tetapi saya berharap Kerajaan boleh memberi kesempatan kepada sesiapa pun

supaya mereka boleh menunjukkan dissent. Apa yang disebutkan oleh saya kalau sekiranya ada orang yang bekerja tidak berpuas hati dan mereka berdiri sahaja di jalan menuju ke Dewan ini dan ada placard kata: "Tolonglah beri gaji yang lebih."

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, if there is a sign of dissent or protest and if it is done in a very peaceful manner, then I think if we are really to practise democracy, the Police should not arrest these people and lock them up and perhaps charge them later, because the right to dissent is inherent in our democracy, as indeed in any country that practises democracy.

Last year, I think, there were a number of families, most of them women, who stood by the roadside merely to protest against the hunger strike of their loved ones in Batu Gajah. All of them were locked up. I think that was a mistake on the part of the Police because they were not obstructing the entry and the return of Members of Parliament. They were not disturbing the peace. They were merely standing there peacefully showing their dissent, and I hope the Government today, with the huge majority that they enjoy in this House, would allow room for dissent; otherwise there will be more dissent despite whatever steps that the Ketua Polis Negara can or will take.

3.39 ptg.

**Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap sepatah dua dalam perkara ini, kerana Yang Berhormat tadi berkata memberi hak dissent kepada orang-orang supaya dapat beratur sepanjang jalan hendak masuk ke kawasan Parlimen ini, pada hal rakyat, jelata telah memilih wakil-wakil dalam Parlimen untuk menyuarakan fikiran-fikirannya, kalau hendak dissent kepada pemerintah kepada apa-apa yang dijalankan oleh Kerajaan, saya hendak mengingatkan di sini iaitu Yang Berhormat tentu tahu negeri kita adalah dijalankan mengikut undang-undang dan ada undang-undang yang dinamakan Unlawful Assembly di mana lima atau lebih orang ramai berkumpul dengan tidak ada kebenaran polis adalah menjadi satu kesalahan. Iaitu adakah kita hendak membenarkan orang-orang itu beratur beramai-ramai menyalaui undang-undang, pada hal kita berkehendakkan negeri kita diperintah mengikut undang-

undang. Cadangannya itu bukan sahaja berlawanan dengan undang-undang, tetapi kadang-kadang kalau dibenarkan beribu-ribu, berderet-deret menunjukkan dissent di sepanjang jalan Parlimen, akhirnya polis sedar akibatnya, yang mana pihak yang mengemukakan itu mendiamkan diri dan boleh jadi melarikan diri pula kalau berlaku satu-satu. Jadi, saya tidak bersetuju dengan pandangan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada apa-apa huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Parlimen hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

## JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA—LANTIKAN Pengerusi

3.41 ptg.

**Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa Y.B. Tuan Walter Loh Poh Khan dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi tempoh Parlimen Yang Keempat.

Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat No. 77 memerlukan bahawa suatu Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mestilah ditubuhkan pada permulaan tiap-tiap Parlimen dan seorang Pengerusi bagi Jawatankuasa itu mestilah dilantik oleh Dewan ini. Jawatankuasa Pemilihan akan melantik lain-lain ahli Jawatankuasa tersebut.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara memainkan peranan yang penting

bagi menentukan supaya Badan Perundangan menjalankan kawalan yang cukup terhadap wang awam negara ini. Tugas-tugas Jawatankuasa ini adalah berat dan dalam mencadangkan perlantikan Encik Walter Loh Poh Khan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, saya merasa yakin bahawa beliau akan menjalankan tugas-tugas ini dengan memuaskan Dewan ini, terutamanya memandangkan kepada kelulusan iktisas beliau sebagai seorang akauntan yang bertauniah dan pengalamannya yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Dewan ini, ingin juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Encik Hanafiah bin Hussain dan rakan-rakannya dalam Jawatankuasa yang lalu atas perkhidmatan mereka yang cemerlang dalam bidang kerja Parlimen yang mustahak ini pada tempoh-tempoh yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Y.B. Tuan Walter Loh Poh Khan dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi tempoh Parlimen Yang Keempat.

#### **JAWATANKUASA PEMILIH— LANTIKAN AHLI-AHLI**

3.44 ptg.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Ahli-ahli yang berikut—

1. Y.A.B. Datuk Hussein bin Onn;
2. Y.B. Datuk Lee San Choon;
3. Y.B. Tan Sri V. Manickavasagam;
4. Y.B. Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda;
5. Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob; dan
6. Y.B. Ketua Pembangkang,

hendaklah menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Yang Keempat.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Ahli-ahli yang berikut—

1. Y.A.B. Datuk Hussein bin Onn;
2. Y.B. Datuk Lee San Choon;
3. Y.B. Tan Sri V. Manickavasagam;
4. Y.B. Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda;
5. Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob; dan
6. Y.B. Ketua Pembangkang.

hendaklah menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Yang Keempat.

#### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

3.45 ptg.

**Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak penyokong-penyokong Kerajaan dalam Dewan ini dan juga rakyat Sarawak, untuk mencadangkan usul yang berikut:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat.”

Saya menyokong penuh serta mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong dalam merasmikan sidang Dewan ini yang sedang berjalan sekarang.

Sebelum melanjutkan ucapan saya, di sini dengan hormatnya saya memohon kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mendapat keizinan meneruskan ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diizinkan.

**Datuk Stephen Yong Kuet Tze:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it is the first time in the history of our nation that such an overwhelming number of Members, old and new, are being elected to this august House under one banner, the banner of Barisan Nasional. This demonstrates in no uncertain term the degree of support given by the people in the country to the Government under the enlightened leadership of our Prime Minister, Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein. The people have voted for a stable Government and for realisation of a just society. Their expectation of the Government will be high and we, who are with the Government, must therefore do our part by not only offering our services to the people but also constantly bringing to the notice of those in authority, cases of inequities and injustices. And, as representatives of the people, we are duty bound to reflect the feeling and aspirations of our people and to offer our sincere suggestions and honest opinions which are constructive and conducive to the creation of a just and fair society, which is the declared aim and object of Barisan Nasional.

Mr Speaker, Sir, I do not expect that every member in the Barisan Nasional will hold the same view in every issue. There must be honest differences of opinion in the interpretation, implication and conclusion of any given subject or even in the methods of implementation of policies which have been agreed upon and accepted by all. We therefore expect to see more of the spirit of "give and take", mutual respect and tolerance among the members of the Barisan Nasional. I think we all appreciate these qualities are all oriental or Asian virtues.

These ancient virtues also include, of course, the edict of "honour thy parents", "respect your elders". How much of this is

now practised or known by our youths? The saying goes, "To have a harmonious nation we must first have harmonious homes". If this is a valid saying, then we must get down to the problem why so many youngsters nowadays behave so differently? So many seem to have lost the proper sense of value. What can be done to remedy this deplorable state of affairs? I suggest a thorough review of our school curricula should be considered and the Cabinet Committee on Education should include this in its deliberation. For one thing I suggest civic courses should be made a compulsory subject. We have heard of school children in some other countries advising litterbugs to refrain from dirtying the pavements or volunteering to do civic projects. These are demonstrations of civic-mindedness. But civic-mindedness must be cultivated and inculcated.

In the Barisan Nasional election manifesto, it is provided that our school system shall be such as to make every school leaver to be employable and be an economic asset. This means a review of our education system is necessary. We cannot allow the situation of thousands of potential clerks applying for the few jobs which only are available when industries both in public and private sectors are looking in vain for skilled workers and technicians.

Mr Speaker, Sir, while looking for a long-term solution, what should we do about those unemployed school leavers at present? In Sarawak, and I am sure in some other States in Peninsular Malaysia also, because of low price of local produce, many youths from rural kampungs have drifted to towns, thus swelling the rank of the unemployed and creating a bigger social problem.

During the last election, the Honourable Member for Samarahan went with me to a Land Dayak kampung where we had a very cool reception. After some cross examination by him, in his very civilised courtroom manner, an elder spoke up. He said, "Why was it that none of our boys had been taken on as P.W.D. casual labourers whereas some in the next kampung were?" That explained for the cool reception. You can imagine when people think that earning \$6 to \$7 per day is their ultimate goal in life, how desperate they must be!



With recession setting in and constriction of most industrial activities, I would propose taking on all these unemployed youths into (for want of a better name) works brigades, who will be paid a normal subsistence allowance and assigned to do work of a public nature such as digging drains, making up earth roads or paths and so on, under expert supervision. If I am not wrong, the Johor State Government has done this, but I would like to suggest that it should be adopted as a national policy and implemented throughout the country.

The extent of the rural poverty in Sarawak has to be seen to be believed. One of the causes is inaccessibility. For instance, in my constituency, which is very near to Kuching town, although many polling stations were set up, yet voters in some longhouses had to walk 5 to 6 hours to vote. There were in fact many similar or worse cases in other constituencies. The obvious thing to do is to build more access roads. Then the question of "whose responsibility" arose. The Federal Government maintained it was the State Government's responsibility and the State Government would either say it should be Federal's or the Local Council's which levied rates on the inhabitants but the Local Councils always are invariably chronically insolvent. In my view, this problem can be solved by the co-operation of these three authorities and by applying the principle of self-help.

I reckon such country or rural roads which will be motorable with stone surfacing would cost \$30,000 per mile on average without of course taking into account the cost of land and manual labour. The Federal and State Governments can share this in the proportion of, say, 2 to 1. Then the Local Council together with political parties and area headmen should arrange for making available the land required for the access road free-of-charge and supply of such manual labour as may be necessary to make up the road-side drains and so on. So, according to my calculation all we need for 100 miles of access rural road for these rural areas would be say \$3 million which would represent the cost of 4 or 5 miles of a highway. Would the overall development suffer all that much if we have 4 or 5 miles less of metalled trunk road? I should imagine 100 miles of rural road network would be more beneficial to all

concerned in the context of national development—socially, economically and politically.

By mobilising the people who wish such access roads to be built and by their participation in the project, they will feel that they are contributing towards national development and they will identify themselves with the success of the project. In this connection, I would suggest that our Security Forces, if they are serving in that area, should participate too. The Security Forces have carried out in Sarawak some civic projects and thus established closer rapport with the local inhabitants and with the great improvement in discipline among the rank and file in recent years have earned the respect and affection of the people. On at least three occasions, representatives from different localities had sought my assistance to intercede on their behalf in order that the order for the withdrawal of certain company of Security Forces be rescinded so that they could stay on because the officers and men had looked after them like brothers. These servicemen truly deserve to be called the people's army.

Mr Speaker, Sir, coming back to my point, I think that Security Forces, particularly the engineering corps should participate whenever possible in building these rural roads. The Ministry of Defence should make available such plants and maintenance facilities as may be required and let more qualified youths to be trained as technicians in the existing training institutes and absorb them into the corps. So our army's mission is also to construct and not merely to destroy.

Earlier on, I mentioned about educating our young. Education, of course, does not confine to the youths only. Through no fault of their own, many people, particularly in the rural areas, are ignorant and cannot accept new ideas such as taking a balanced and nutritional diet, sanitation, personal hygiene, family planning, and so on. We have health services provided by the Ministry of Health, social welfare services by the Ministry of Welfare Services, but there seems to be lacking of a co-ordinated effort of all Ministries concerned to launch a mass education programme whereby such good ideas and new way of life can be introduced and put across. We cannot depend on doctors to do so as they are such rare birds and we

are short of them. But why not have volunteers including senior students and part-time workers from the rural areas, who may be paid a small allowance, after intensive training, to go to every kampung and longhouse to do the job?

I have for the last four years or so been very keen in finding ways and means for every longhouse and kampung in Sarawak to have clean water supply either by gravitation flow through pipes where possible, or wells, or by supply of water tanks.

I must say here that the Honourable Minister of Health has been very sympathetic in this regard but the funds provided were insufficient and the staff to carry out the task too small. I maintain that we cannot talk of improving rural health without first having supply of clean water. Records have shown that most diseases in the rural areas were waterborne. How much production we could have gained with less incidence of sickness, and how much we could save in medical expenses in curing the disease when we could have prevented it.

Mr Speaker, Sir, we know it is the policy of the Government to prevent disease just as the policy to eradicate poverty. The point I am trying to make is, how best can we implement such a policy.

The New Economic Policy was formulated to eradicate poverty and is a prelude to establishing a just society, and the beneficial effect will transcend racial barriers. Such ideal and principle must deserve our fullest support. Since the Barisan Nasional has, as stated in the election manifesto, pledged to look after the interest of the hawkers and small traders, I am emboldened to suggest that since the New Economic Policy has been launched and measures have been introduced by way of implementing it for several years now, the time may have come for a review—to see how in the process of adjusting economic imbalance, the constitutional provision of protecting existing rights and interests can be reconciled, to see how bumiputras have benefitted in real terms and to see if an enforced pace of changing vocation could achieve the desired result or a period

of reorientation in that direction is necessary and, if so, what condition ought to be created which would be conducive to such reorientation.

Mr Speaker, Sir, I regret that with the exit of Tun Sambanthan from active politics, the National Unity Council seems to have gone out with him. I would have thought that this Council would have been a suitable body or the body to provide the forum, to undertake the task of such a review. I had the honour to serve in one of his Sub-Committees, and I must say I found the deliberations and discussions therein most meaningful, refreshing and thorough. Perhaps the new Unity Board which he now heads may take over the functions of the Council.

While we may have much to criticise the Government in some of the measures, we have a lot to be thankful for. Take the obvious case of the various Government subsidies particularly on essential foodstuff and the forgoing of import duties on a large number of items considered to be necessities so as to alleviate the hardship of the people. These measures alone have cost the Treasury hundreds of millions of ringgit each year. We have a Government which really cares and has a feeling for the people. I therefore feel greatly honoured to propose this Motion expressing our appreciation and thanks to Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong for his Gracious Speech.

Mr Speaker, Sir, before I make this formal proposal, may I take this opportunity, as the first speaker from the floor, to offer to you, Sir, my heartfelt congratulations on your election as our Speaker. I have this comforting and reassuring feeling to find that you are still among us again. I am sure other Honourable Members share such a feeling with me.

Now, I beg to move the Motion standing in my name.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, I would like to thank you for your generous and kind thoughts.

4.00 ptg.

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

"Amipun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat."

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sungguh-sungguh berbesar hati kerana peluang dan kepercayaan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri supaya saya menyokong usul ini, dan saya rasa kepercayaan ini merupakan suatu penghargaan yang tidak ternilai bagi diri saya dan bagi Kawasan Parlimen Besut yang saya wakili. Bagi diri saya, Tuan Yang di-Pertua, inilah kali yang pertama saya berdiri dan bercakap di dalam Dewan yang mulia ini dan kali ini saya bangun adalah untuk menyokong usul yang istimewa ini. Inilah saya merasa penghargaan yang paling tinggi bagi diri saya. Bagi kawasan Parlimen Besut yang saya wakili sudah tentu merasa sangat-sangat berbangga dengan peluang yang diberikan kepada saya untuk menyokong usul ini. Walau bagaimanapun, saya akan cuba memperkenalkan daerah Besut kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini pada bahagian akhir ucapan saya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah saya menyampaikan ucapan tahniah terhadap kejayaan-kejayaan yang telah dicapai, yang telah dijalankan oleh Kerajaan kita selama ini. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah (s.w.t.) kerana limpah kurniannya, kerana rahmat yang diberiNya sehingga negara Malaysia yang kita cintai ini telah dapat wujud sebagai sebuah negara yang berdaulat dan sempurna di muka bumi ini. Saya mengambil peluang di sini juga

menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana dengan daulat Kebawah Duli sehingga menjadikan negara Malaysia yang kita cintai ini wujud dengan aman, sempurna dan makmur. Saya juga mengambil peluang di sini menyampaikan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak Perdana Menteri yang kita cintai dan kasihi kerana kebijaksanaan-nya. Yang Amat Berhormat Tun memimpin negara ini dengan bijaksana, dengan jujur dan ikhlas sehingga negara kita telah dapat mencapai berbagai-bagai kemajuan di dalam segala lapangan istimewanya di dalam usaha mendapatkan kestabilan politik di negara ini, di dalam usaha mencapai kemajuan ekonomi, di dalam usaha mencapai keamanan dan ketenteraman dan juga di dalam usaha mempertingkatkan imej negara kita di dalam arena hubungan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan di-Raja disentuh dengan secara panjang lebar tentang soal inflasi dan soal kemungkinan keadaan meleset yang akan menimpa negara kita dan akan menimpa seluruh dunia pada masa yang akan datang. Saya suka menyentuh sedikit di dalam soal ini. Saya tidaklah hendak mengupas apakah sebab-sebab berlakunya inflasi itu dan bagaimana caranya untuk mengatasi ataupun untuk mengelakkan daripada malapetaka yang berlaku itu cuma saya suka memberi pendapat di dalam Dewan yang mulia ini bahawa soal inflasi ini jika tidak dikawal dengan betul dan rapi ianya mungkin mengakibatkan suatu keadaan meleset yang menimbulkan malapetaka terhadap negara dan terhadap seluruh dunia.

Saya sifatkan keadaan meleset ini jika dibiarkan dia meluas dan tidak dapat dikawal dia akan merupakan suatu wabak malapetaka sepertilah wabak malapetaka yang lain. Kita ingat sejarah menunjukkan keadaan meleset dunia yang berlaku di dalam tahun 1929 dan dalam awal tahun tiga puluhan adalah menjadi faktor utama ataupun menjadi kuman, menjadi benih kepada pecahnya Perang Dunia Yang Kedua. Hitler dan Nazi telah menggunakan keadaan meleset ini untuk membangkitkan semangat tidak puas hati rakyat keturunan Jerman untuk bertindak menentang dan bertindak merampas kuasa di dalam dunia ini.

Apa yang saya suka sentuhkan di sini, ialah usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan kita dengan kebijaksanaan pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri berbagai-bagai usaha telah dijalankan dan saya yakin dan percaya jika usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan itu mendapat kerjasama yang penuh dari segenap golongan rakyat maka keadaan ini dapat kita atasi sekurangnya supaya tidak merebak sehingga menjadi suatu malapetaka. Tetapi suatu perkara yang sangat mendukacitakan saya ialah peranan yang dimainkan oleh setengah-setengah parti-parti Pembangkang di dalam soal ini. Kerajaan sahaja tentulah tidak mempunyai daya upaya 100% untuk mengatasi keadaan malapetaka ini dan kerjasama dari semua pihak ini, saya ulangi, adalah sangat-sangat diperlukan. Dari semua parti-parti politik di tanahair kita ini, dari semua golongan rakyat samada ahli-ahli perniagaan, rakyat biasa, majikan, pekerja dan sebagainya.

Di dalam saat pilihanraya yang lepas kita dapati parti-parti Pembangkang di negara kita ini telah menggunakan issue ini untuk kepentingan diri mereka, untuk kepentingan parti politik mereka. Ini saya dapati di setengah-setengah tempat parti-parti Pembangkang telah cuba meracuni fikiran rakyat jelata, telah cuba menghasut rakyat jelata supaya keadaan inflasi ini ditakuti dan diletakkan kesalahannya 100% ke atas parti yang memerintah, sehingga pada setengah-setengah tempat tertentu kita dapati di kalangan rakyat menerima kesan psikologi yang buruk dari fitnah dan hasutan yang telah dijalankan oleh pihak parti-parti Pembangkang ini. Di samping itu juga pihak parti Pembangkang mengambil peluang di setengah-setengah tempat menghasut pekerja-pekerja untuk menuntut gaji yang lebih, untuk melancarkan tindakan-tindakan mogok dan sebagainya di dalam saat yang genting ini. Saya sifatkan tindakan seumpama ini adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab dan boleh disifatkan sebagai pengkhianatan terhadap negara. Bagi saya, dalam soal mengatasi malapetaka yang besar seumpama ini saya rasa adalah menjadi tanggungjawab utama dan sepatutnya tanggungjawab itu melebihi daripada kepentingan diri dan kepentingan parti sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah pula saya menyentuh sedikit dalam soal perumahan sebagaimana yang disentuh di dalam Titah Ucapan di-Raja semalam. Masalah perumahan, saya rasa usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan kita bagi mengadakan rumah yang cukup, tempat tinggal yang sempurna bagi segenap lapisan rakyat terutama bagi golongan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah adalah sangat memuaskan, cuma barangkali di dalam cara perlaksanaannya sahaja di dalam satu dua tempat yang patut diberi perhatian. Tetapi saya sukalah menimbulkan di dalam Majlis yang mulia ini bahawa soal perumahan setakat ini difikirkan secara mendalam, secara yang sungguh-sungguh oleh Kerajaan hanya bagi golongan pekerja-pekerja terutama bagi golongan pekerja-pekerja yang makan gaji samada yang bekerja dengan pihak Kerajaan dan bekerja dengan perbadanan-perbadanan serta mereka yang bekerja dengan syarikat-syarikat swasta. Setakat ini pada hemat saya, belum lagi Kerajaan memberi pandangan, kajian atau perhatian secara serious terhadap soal-soal perumahan penduduk-penduduk luar bandar iaitu rakyat jelata yang tidak bekerja secara makan gaji khususnya bagi golongan petani dan bagi kaum nelayan.

Jika kita pergi ke luar-luar bandar kita dapati kebanyakan keluarga mempunyai rumah, itu tidak dapat dinafikan melainkan ada setengah-setengah yang tidak bernasib baik tidak mempunyai rumah tempat tinggal. Tetapi rumah-rumah di luar bandar tidak boleh lagi kita katakan suatu tempat kediaman yang sempurna. Saya di dalam Dewan yang mulia ini tidaklah bertujuan hendak menghina penduduk-penduduk di luar bandar, tetapi saya mengambil peluang yang diberi ini untuk menyatakan sesuatu yang benar. Jika kita melihat dan mengkaji keadaan rumah yang dipunyai oleh penduduk-penduduk luar bandar, saya rasa keadaan rumah ini tidaklah mempunyai sistem yang teratur dan sesuai di dalam kehidupan di zaman moden ini.

Kita dapati di kawasan-kawasan luar bandar ada rumah-rumah petani, ada rumah-rumah nelayan umpamanya yang dibina dengan memakan harga hampir \$5-10 ribu tetapi jika kita kaji dengan halus kita pergi melihat dengan betul kita dapati rumah yang berharga \$10 ribu itu tidak mempunyai tandas, tidak mempunyai sistem longkang

parit yang betul, tidak mempunyai sistem bilik dapur, bilik tidur dan sebagainya dengan betul. Ini adalah kebebasan, bahawa tiap-tiap rakyat berhak membuat, mengadakan rumah tempat tinggal mereka mengikut kehendak mereka sendiri. Tetapi saya rasa patutlah Kerajaan mengambil perhatian berat sekurang-kurangnya memberi nasihat-nasihat tentang cara-cara, bagaimana mengadakan rumah-rumah yang sempurna dan memberi pertolongan-pertolongan dan mengadakan pinjaman-pinjaman untuk penduduk-penduduk luar bandar, kaum tani, kaum nelayan, biarlah mereka sama-sama mempunyai hak untuk mendapat pinjaman perumahan dan mengadakan rumah-rumah mereka untuk keluarga-keluarga mereka dengan cara yang teratur dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, rumah adalah merupakan suatu institusi yang utama yang memainkan peranan penting di dalam proses sosialisasi bagi seseorang manusia. Tiap-tiap kanak-kanak yang dilahirkan, mula-mula sekali menerima proses sosialisasinya adalah di dalam institusi yang utama itu iaitu di rumah di dalam keluarganya sendiri. Bagaimanakah kita mengharapkan rakyat kita pada masa akan datang, bagaimanakah kita mengharapkan jenerasi kita pada masa akan datang hidup dengan cergas, sempurna, dedicated, mempunyai discipline jika pada masa kecilnya mereka itu dilatih membuang air besar umpamanya di dalam semak dan menulis, membaca meniarap di atas lantai dan menggunakan lampu-lampu minyak, lampu ayam yang menggunakan minyak tanah. Saya menyebut perkara ini kerana memang perkara ini ada berlaku, saya rasa di mana-mana pun di dalam negara kita ini, di kawasan luar bandar.

Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang dari kawasan-kawasan yang lebih bernasib baik, dari kawasan-kawasan bandar, merasa terperanjat bila saya menyebut keadaan sedemikian itu. Walau bagaimanapun apabila saya menyebut perkara yang sedemikian itu di dalam Dewan yang mulia ini, saya sanggup menunjukkan di mana adanya rumah-rumah kampung yang anak-anak keluarganya membuang najis di dalam semak dengan tidak mempunyai tandas dan di mana ada anak-anak bersekolah membaca meniarap di atas lantai kerana tidak ada kerusi dan meja, tidak ada lampu dan air dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkanlah pula saya menyentuh sedikit di dalam masalah pelajaran. Saya hanya suka menyentuh dalam satu aspek sahaja iaitu tentang kemajuan pelajaran sains di sekolah-sekolah. Saya tidak menafikan bahawa pelajaran sains dan hisab adalah suatu mata-pelajaran yang patut kita galakkan di dalam persekolahan anak-anak kita di negara ini dan patut kita majukan pada masa sekarang sehingga ke masa yang akan datang. Tetapi suatu perkara yang saya suka timbulkan di sini ialah galakan supaya anak-anak negara kita ini mengambil jurusan pelajaran sains itu tidak selari dengan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh pihak Kerajaan. Ada gap di antara galakan yang diberi dengan kemudahan yang diberi. Saya boleh menerangkan sebagai contohnya di mana terdapat anak-anak setelah lulus di dalam peperiksaan S.R.P. terutama sekali di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan dipaksa memasuki aliran sains kerana kononnya mereka itu barangkali mendapat kelulusan yang baik di dalam mata-pelajaran sains dan hisab di dalam peperiksaan S.R.P. (L.C.E.). Patut saya ingatkan di dalam Majlis yang mulia ini bahawa peperiksaan S.R.P./L.C.E. menggunakan sistem objektif, mengikut pendapat saya tidaklah boleh menentukan bahawa seseorang yang mendapat markah yang tinggi di dalam peperiksaan objektif itu menunjukkan dia mempunyai kebolehan yang baik, mempunyai otak yang cergas yang lebih baik daripada murid-murid yang lain.

Murid-murid yang seumpama ini apabila dipaksa memasuki aliran-aliran sains di dalam Tingkatan IV dan V seterusnya mereka kebanyakannya gagal di dalam peperiksaan S.P.M. pada Tingkatan V kerana ada setengah daripada mereka tidak mempunyai kecenderongan yang begitu mendalam terhadap mata-pelajaran sains. Dan sebab yang kedua, mengikut pendapat saya ialah yang saya sebutkan tadi kerana tidak ada kemudahan yang cukup diberi untuk murid-murid mendapat kemajuan yang sebenar di dalam mata-pelajaran sains.

Sebagai contohnya di tempat saya di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut, di dalam tahun 1974 ini murid-murid Tingkatan IV di sekolah tersebut selama dua penggal tidak mempunyai guru hisab dan sains. Ini bermakna dalam setahun semasa mereka berada dalam Tingkatan IV mereka

sudah ketinggalan dan pada tahun hadapan mereka akan masuk ke Tingkatan V dan akan memasuki peperiksaan S.P.M. Bagaimanakah dapat kita jangkakan mereka ini mendapat kelulusan yang baik dalam aliran sains.

Pada pendapat saya ada lebih baik kita galakkan 10 orang sahaja anak-anak kita mengambil jurusan sains, tetapi kesepuluhnya mendapat kejayaan daripada kita menggalakkan 1,000 tetapi kesemuanya gagal. Maksud saya adalah lebih baik jika kita galakkan anak-anak kita mengambil jurusan sains ini dengan cara khusus, daripada peringkat sekolah rendah. Mereka yang betul-betul mempunyai minat mempunyai kebolehan dalam lapangan sains disalurkan daripada sekolah rendah sehingga ke peringkat menengah dan mereka ini ditentukan agar mendapat kemudahan-kemudahan yang cukup supaya mereka dapat kemajuan yang sempurna dalam pelajaran sains.

Umpamanya seperti yang diadakan sekarang ini Maktab Rendah Sains dan cara-cara mengadakan ini hendaklah diperkemas lagi iaitu murid-murid yang diterima masuk ke aliran sains ini diberi kemudahan-kemudahan yang cukup, dibenarkan mereka tinggal di asrama-asrama yang sempurna dan diadakan guru-guru dan alatan-alatan yang sempurna untuk mereka. Walaupun bilangan mereka itu barangkali sedikit kerana kita tentulah tidak terdaya untuk mengadakan kemudahan umpama itu untuk semua murid-murid, tetapi saya rasa walaupun sedikit, jika kita dapat menjamin kejayaannya adalah lebih berguna, Tuan Yang di-Pertua, . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak lagikah Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Ada dalam 15 minit lagi, Tuan yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat sudah bercakap selama 20 minit. Sekarang saya hendak tempohkan Dewan ini selama 15 minit dan Ahli Yang Berhormat boleh sambung selepas itu.

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Baiklah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan dtempohkan pada pukul 4.30 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Besut menyambung ucapannya, saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di atas kepercayaan dan lantikan saya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, dan saya memohon taufik dan hidayat Allah Subhanahuwatalla mudah-mudahan dengan petunjuk daripadanya dan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat menunaikan dan menjalankan kewajipan saya dengan sempurna dan dengan adilnya.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Besut menyambungkan ucapannya dan pesanan daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, iaitu supaya dapat direngkaskan sedikit ucapannya dan dengan sebab kita ada dua hari sahaja berpeluang membahaskan Usul ini, maka Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua menetapkan kalau dapat 15 minit sahaja tiap-tiap seorang, tetapi bagi Ketua Pembangkang bolehlah lebih sedikit. Dan yang lain saya harap cuba seberapa yang boleh jangan sampai lebih 15 minit, supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dapat berpeluang menyampaikan ucapannya.

*4.56 ptg.*

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyambung ucapan saya dengan menyentuh perkara-perkara khusus berkaitan dengan kawasan Parlimen yang saya wakili iaitu Besut. Sebenarnya saya bercadang hendak menyentuh dalam beberapa perkara lagi yang berhubung dengan perkembangan Angkatan Tentera kita, masalah Perpaduan, masalah Dasar Luar Negeri, tetapi oleh sebab saya patuh kepada nasihat Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa meninggalkan perkara-perkara tersebut dan sudah tentu saya tidak dapat meninggalkan masalah-masalah yang berhubung dengan kawasan yang saya wakili.



Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika ditanya kepada Ahli-ahli Yang terhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, siapakah barangkali yang mengenali Besut secara dekat yang pernah sampai ke Besut secara yang sebenarnya. Mengikut pendapat saya tidak sampai pun 20 peratus daripada Ahli-ahli Yang terhormat ini yang betul-betul kenal dengan daerah Besut. Kalau adapun itu barangkali sambil dalam berjalan melalui Besut kerana hendak ke Kota Bharu, Kelantan dan sebagainya. Bagi saya, Besut adalah merupakan suatu daerah yang mundur, kalau tidak pun paling mundur di dalam Semenanjung Malaysia ini.

Saya boleh mengemukakan contoh-contoh bagaimana kemudahan kemajuan perindustrian yang tidak terdapat langsung di daerah Besut. Saya percaya pengundi-pengundi di kawasan saya yang berjumlah 27,810 pengundi itu tentulah tidak akan marah, jika saya membuka rahsia ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Di Besut, bolehlah saya katakan sehingga hari ini tidak terdapat sebuah pun factory atau kilang-kilang yang didirikan di sana, dan boleh juga saya katakan di sini, di Besut tidak mempunyai sebuah hotel pun bagi seluruh daerah itu. Saya menyebut hotel ini, kerana barangkali hotel inilah dapat menggambarkan bagaimana kemajuan sesuatu tempat. Dengan tidak adanya sebuah hotel pun bagi daerah -Besut ini menunjukkan tidak adanya tarikan bagi sesiapa pun yang hendak datang ke sana untuk sebarang urusan. Begitulah sebagai contohnya sebagaimana yang saya berani katakan bahawa daerah Besut adalah merupakan suatu daerah yang tertinggal dan yang mundur di Semenanjung Malaysia ini. Sebab utama ialah mengikut pendapat saya kerana kekurangan kemudahan asas (infra-structure). Tidak terdapat kemudahan-kemudahan yang sempurna itu yang sempurna di daerah Besut. Jalanraya umpamanya: tidak ada jalanraya yang baik ke kampung-kampung; ada jalanraya Jalan Federal yang melintasi Besut, itupun daif keadaannya.

Saya suka menceritakan kepada Dewan yang mulia ini perkara yang sebenar iaitu suatu masa, waktu saya balik dari Kota Bharu ke Besut, saya membawa seorang rakan saya yang buta dan apabila saya sampai, masuk dalam sempadan Besut, rakan saya yang menumpang motokar saya yang buta matanya telah dapat mengenal,

"Kita telah masuk ke kawasan Besut sekarang ini." Saya bertanya: "Bagaimana awak tahu sedangkan awak tidak dapat melihat? Katanya: "Tidak guna melihat dengan merasa di atas motokar pun sudah tahu sempadan Kelantan dengan Besut". Itulah gambarannya bagaimana keadaan dhaifnya jalanraya Federal, apatah lagi jalan-jalan kecil yang lain keadaannya begitu buruk sekali.

Yang kedua, bekalan tenaga elektrik. Di dalam kawasan Besut yang mempunyai pengundi 27,800 orang lebih itu sampai sekarang tidak sampai 10% yang mendapat kemudahan api letrik. Ada setengah-setengah tempat yang bersusah payah memohon bekalan ini sejak empat, lima tahun yang lepas sampai hari ini masih lagi belum dapat. Saya dapat faham daripada pihak Kerajaan Negeri Trengganu bahawa peruntukan telah-pun diluluskan beberapa tahun yang lepas tetapi bekalan tenaga letrik ke kawasan tersebut iaitu kawasan Pasir Akar, Alor Keladi dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya sehingga hari ini masih lagi belum diperolehi.

Saya suka juga menceritakan sebagai contoh di dalam Dewan ini, iaitu di dalam masa pilihanraya yang lepas sewaktu saya pergi mengadakan suatu rapat umum di Pasir Akar, waktu itu bagaimana penduduk-penduduk di sana menunjuk perasaan. Waktu diadakan rapat umum Barisan Nasional penduduk-penduduk di sana memasang damar di tepi-tepi jalan di hadapan-hadapan rumah mereka yang mereka hendak menunjukkan bahawa inilah api letrik bagi mereka. Ini adalah suatu manifestasi yang tidak dapat kita abaikan, dan sepatutnya keadaan ini diberi perhatian yang lebih.

Mengenai bekalan air. Di dalam daerah Besut sebagaimana yang saya sebutkan tadi tidak sampai pun 2% yang mendapat bekalan air paip sehingga hari ini. Kawasan yang paling terok sekali ialah kawasan Kuala Besut. Di Kuala Besut, air perigi tidak dapat digunakan kerana mesin. Sewaktu saya melawat di kawasan Kuala Besut penduduk-penduduk di situ melaporkan kepada saya bahawa orang-orang di Kuala Besut minum air embun. Saya pada mulanya tidak percaya bagaimana mereka boleh minum air embun kerana air perigi tidak ada, air paip tidak ada, air sungai tidak boleh diminum kerana masin, tetapi mereka benar-benar mengatakan bahawa mereka meminum air embun.

Akhirnya barulah saya faham kerana rupanya mereka membeli air dan penjual air itu bernama Embung. Bagi loghat orang-orang Besut, perkataan embun dan Embung itu serupa bunyinya. Penduduk-penduduk di Kuala Besut hari ini terpaksa membeli air dengan harga 30-50 sen bagi satu tin minyak tanah. Air itulah mereka gunakan untuk minum, mencuci, mandi dan sebagainya. Keadaan ini, saya rasa patutlah mendapat perhatian istimewa daripada pihak Kerajaan mempercepatkan bekalan air bagi kawasan itu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Panjang lakikah Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Dalam masa lima minit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya ingat, kalau dapat rengkaskan sedikit Yang Berhormat. Perkara air ini panjang nampaknya tadi.

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya berhentilah mengenai masalah air ini, cuma yang akhir sekali saya suka menyampaikan rayuan saya bagi pihak daerah Besut yang saya wakili pada pihak Kerajaan.

Yang pertama, saya pohon ihsan daripada Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita supaya memberi perhatian yang istimewa bagi kawasan ini terutama di dalam mempercepatkan pembenaan infra-structure iaitu jalanraya, bekalan api dan bekalan air.

Yang kedua, saya mengesyorkan dan merayu supaya Kerajaan mendirikan perusahaan-perusahaan kecil di kawasan tersebut. Ada beberapa perusahaan yang mengikut pendapat saya boleh dijalankan di kawasan Besut seperti kilang mengetin buah-buahan, kilang untuk membuat minyak daripada kacang tanah, kerana kacang tanah telah dicuba dan dapat kejayaan boleh ditanam di sana, kilang membuat minyak kelapa, kilang kain sutra umpamanya, kerana di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Pembukaan Dewan Negeri Trengganu yang lepas, perusahaan sutra akan dijalankan di negeri Trengganu, kilang simin dan sebagainya. Satu lagi perusahaan yang boleh dijalankan

di daerah Besut ialah perusahaan peluncuran. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini tidak mengetahui di Besut ada suatu tempat yang bernama Bukit Dendong, pemandangannya begitu cantik sekali, saya rasa lebih cantik kalau di bandingkan dengan pantai Acapulco, Barcelona ataupun di Wakiki Beach di Honolulu, tetapi kawasan ini tidak dimajukan, maka dia tertinggal dengan sia-sia. Di hadapan kawasan Bukit Dendong ini terdapat dua buah pulau yang cantik iaitu Pulau Ru dan Pulau Perhentian. Saya rasa jika pihak kerajaan memajukan kawasan ini, dia akan dapat menjadi suatu kawasan tumpuan pelancung-pelancung yang maju di Pantai Timur ini.

Itulah sahaja rayuan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas penghargaan yang diberi kepada saya untuk menyokong Usul yang istimewa ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Stephen Yong telah disokong dan sekarang saya kemukakan bagi perbahasan.

5.08 ptg.

**Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang berucap membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berlangsung pada 5hb November semalam. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan menjunjung tinggi atas segala kandungan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda.

Saya sangat tertarik hati Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda menitik beratkan keperluan rakyat jelata terutama sekali perumahan khasnya untuk orang-orang awam dan pasukan-pasukan bersenjata seperti Pasukan Tentera dan Polis yang berpendapatan rendah. Dalam pada itu menekankan pula penggunaan bahan-bahan tempatan seperti kayu-kayan dan sebagainya yang memudahkan pembinaan perumahan tersebut serta murah pula. Seri Paduka Baginda juga tidak ketinggalan merayu pihak pemaaju-pemaaju perumahan swasta mengambil bahagian menolong rancangan Kerajaan untuk mempercepatkan pembinaan rumah-rumah tersebut. Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah



Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam perkara ini.

Sukacitalah saya menarik perhatian Dewan mengenai perlaksanaan bagi pihak Kerajaan dan orang ramai serta badan-badan swasta tentang Titah Ucapan Baginda dalam bidang perumahan awam untuk rakyat yang berpendapatan rendah. Di sini inginlah saya menekankan mengenai perlaksanaan rancangan ini. Saya berpendapat untuk melaksanakan rancangan ini bergantung kepada dua faktor yang besar: Pertama, kewangan dan kedua tanah.

Dalam jurusan kewangan pula terbahagi kepada dua bahagian:

- (i) sumber kewangan daripada Kerajaan;
- (ii) sumber kewangan daripada institusi kewangan yang ada menjalankan perniagaan di dalam negara kita.

Mengenai perlaksanaan dari sumber kewangan daripada pihak Kerajaan Pusat melalui Kerajaan-kerajaan Negeri, perlaksanaan rancangan ini boleh berjalan dengan licin tanpa menempuh kesulitan yang menghalang. Tetapi melalui pengalaman yang kita lihat dalam negara kita yang menimbulkan berbagai-bagai kesulitan yang boleh menghalang ialah melalui sumber kewangan. Kedua, yang saya sebutkan tadi iaitu daripada institusi-institusi kewangan seperti bank, syarikat-syarikat insuran, syarikat-syarikat pinjaman kewangan sudah tentu rancangan ini tidak dapat terlaksana sekiranya pihak Kerajaan tidak mengambil sikap yang tegas dan membuat pindaan kepada syarat-syarat dan undang-undang yang tertentu mengenai kelonggaran syarat pinjaman. Kerana syarat-syarat pinjaman yang ada pada institusi-institusi kewangan pada hari ini tidak melayakkan rancangan pembinaan perumahan daripada kayu-kayan ini mendapat kemudahan.

Pada hari ini pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi kewangan adalah pada pembinaan rumah-rumah batu sahaja. Begitu juga syarat-syarat syarikat insuran tidak mahu sekiranya kalau rumah daripada kayu itu hendak dimasukkan insuran dan rumah-rumah buatan kayu juga tidak diterima sebagai cagaran untuk pinjaman. Saya menitikberatkan sumbangan institusi kewangan dalam perlaksanaan perumahan awam ini adalah sejajar dengan Titah Ucapan Seri

Paduka Baginda menyeru pemaju-pemaju perumahan swasta menceburkan diri terutama di kawasan-kawasan yang mendesak. Pada hemat saya seruan Seri Paduka Baginda amatlah wajar dan sudah semestinya disambut sebagai satu tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan bagi menghadapi masalah stagflasi yang kita sedang alami pada masa sekarang ini. Di dalam negara kita yang sedang membangun ini untuk mencapai matlamat dasar ekonomi, kerjasama dan persefahaman antara pihak swasta dan pihak Kerajaan amatlah perlu. Jadi di dalam perlaksanaan rancangan perumahan awam ini banyak kaitannya dengan penggunaan tanah. Oleh itu untuk memudahkan saluran pentadbiran untuk faedah kedua-dua pihak Kerajaan dan swasta bagi kepentingan orang ramai perlu satu undang-undang khas digubal bagi menetapkan nilai tanah khas untuk pembinaan rumah-rumah daripada kayu. Ini pun satu cara yang dapat menolong penduduk-penduduk luar bandar menggunakan tanah mereka sebagai cagaran untuk membuat pembinaan rumah.

Kementerian Perumahan hendaklah memainkan peranan yang penting mengkaji semula syarat-syarat mengenai pengeluaran lesen kepada pemaju-pemaju perumahan swasta dan sekiranya meluluskan sebarang syarat yang berbentuk undang-undang hendaklah undang-undang itu diselaraskan kepada semua Negeri-negeri dalam Malaysia, kerana untuk mengelakkan kebangkitannya kesulitan-kesulitan kepada pihak pemaju-pemaju perumahan sekiranya tidak ada penyelarasan antara pihak Pusat dan Negeri. Kementerian Perumahan juga hendaklah memberi penilaian bagi menetapkan jenis-jenis kayu yang boleh digunakan bagi pembinaan rumah tersebut untuk menjamin rumah-rumah kerana dasar institusi kewangan mengeluarkan pinjaman bergantung kepada mutu dan bahan-bahan untuk perumahan tersebut. Di sinilah pihak persatuan akitek yang ada di dalam Malaysia sepatutnya sama-sama mengambil tahu dan mengambil tindakan dalam perkara ini bagi menjamin perlaksanaan penggunaan kayu-kayan kepada rancangan perumahan awam ini.

Kementerian Perumahan juga hendaklah menetapkan syarat khas kepada pemaju-pemaju perumahan swasta iaitu peratus kawasan yang patut dibina rumah-rumah

buatan kayu dan syarat ini hendaklah berupa syarat wajib kepada tiap-tiap pengeluaran lesen kepada pemaju perumahan. Inilah satu cara yang boleh menjamin penggunaan kayu-kayan di dalam industri perumahan. Dalam pada itu tentulah pihak Kerajaan hendak memikirkan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pihak swasta dalam perkara ini. Apa yang penting ialah saling berkerjasama dan memahami kesulitan yang dihadapi oleh kedua-dua pihak iaitu Kerajaan dan swasta, maka saya percaya rancangan ini barulah boleh dijalankan dengan lancar. Untuk menjamin pelaksanaan ini yang menjadi asas utama pada pihak Kerajaan ialah ketegasan dan pada pihak swasta pula ialah kejujuran.

Tuan Yang di-Pertua, pelancaran penggunaan bahan-bahan tempatan iaitu kayu-kayan dalam rancangan perumahan cara besar-besaran di dalam negara ini adalah satu pembaruan kepada masyarakat Malaysia khususnya penduduk-penduduk di dalam bandar. Maka sudah tentu pelaksanaan ini akan mendapat tentangan yang hebat pada awal. Di sini adalah menjadi tanggungjawab pihak Kerajaan khususnya Kementerian Penerangan menjalankan kempen-kempen yang boleh menghapuskan fikiran-fikiran yang menentang itu. Dan adalah juga tanggungjawab cerdeka-pandai daripada semua golongan bangsa yang ada di dalam negara ini yang mempunyai semangat kasihkan negara, menjalankan usaha memikat hati rakyat dan menerangkan kepada orang ramai hasrat Kerajaan untuk melancarkan rancangan ini demi untuk kepentingan negara menghadapi masalah kenaikan harga bahan-bahan perumahan seperti simen, besi dan lain-lain serta untuk menyelamatkan pertukaran wang asing. Sekiranya pelaksanaan penggunaan kayu-kayan ini mendapat sambutan, maka bagi pihak Kerajaan pula hendaklah mengawal harga kayu-kayan ini supaya tidak dispeculatekan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Akhirnya, saya menyokong penuh Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan berharap pelaksanaan Rancangan Perumahan Awam ini berjalan dengan sempurna, memberi faedah kepada mereka yang berpendapatan rendah dan menjamin kestabilan negara kita daripada segi politik, ekonomi dan keamanan.

5.18 ptg.

**Tuan Walter Loh Poh Khan (Selayang):** (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I wish to thank His Majesty for his Gracious Speech yesterday. In his Speech, he touched on many aspects and I would like, in my speech, to touch only on two of its many aspects.

Mr Speaker, Sir, everyone is aware of inflation and talks about high prices and cost of living. To be aware and to know are, however, two separate issues. We must face the gritty economic and political realities of devastating inflation, perhaps lengthening recession and a looming international crisis. Every country will suffer to some degree but our country could have suppressed inflation to a much lesser degree. This perhaps is a lesson we must learn.

You will recall that when Malaysia diversified from her traditional natural resources and agro-based economy by wooing foreign investors to set up industries in our country, special incentives were introduced in this House. I agree that in order to attract foreign investors those incentives are necessary, but, on the other hand, we have not studied carefully whether these industries will affect us in the long run.

Tax holiday has affected our balance of payment because with the recent Act, money can freely be remitted. This has increased tremendously our "Invisible Import" which has adversely affected our balance of payment. Many investors took advantage under the pretext of investing but, in actual fact, they are draining our economy. Further, they also demanded tariff protection. Tariff duty was introduced and this discouraged imports, thus decreasing imports to protect many relatively inefficient domestic producers. It is, therefore, fallacious to argue that tariffs would succeed in retaining money in our country. It has, in actual fact, accelerated inflation, leading to high prices of goods and demand for higher wages. This spiral effect will go on in a vicious circle. We used to go to the stores with money in our pockets and return with food in our baskets. Now we go with money in our baskets and return with food in our pockets.

The economic principle of "Demand and Supply" has now been used by unscrupulous business houses. Artificial high prices and

hoarding have created a shortage of supply. This further leads to higher prices which is most unfortunate. At this juncture, it is my view that little can be gained by suggesting ways and means to combat inflation. It will take its own course.

A more critical, serious problem is world depression, the impact of which, I fear, would be felt in mid-1975. Stock market and property will be crashed, foreign loans become worthless and new foreign lending will cease. Inevitably there will be labour unrest and a higher percentage of unemployment. In depressed time, business projections would be below expectation. Such being the case, a common measure to cut down cost, which is undesirable yet unavoidable, is to lay off workers. Retrenchment has already started by electronic companies and many other industries. What then should we do?

I would like to suggest that a survey of the present number of unemployed, and the expected number of would be unemployed be undertaken without delay. With this statistic, the Government can then plan what other avenues could be opened to absorb the unemployed. One effective way is to open up more virgin land and encourage the unemployed to take to farming. Why do I say this? The reasons are simple:

- (1) they will be self-employed;
- (2) they would have enough crops to feed their families; and
- (3) excess crops could be sold.

This will help to cut down imports of essential food.

The Honourable Minister of Finance must seriously consider introducing new Acts or even temporary Acts to control the repatriation of profits. Affluent countries like the U.S.A. and Britain had already devalued their currencies and recently Australia has joined the ranks, not because she has an unfavourable balance of payment but preparing herself to buffer the impact of depression.

As it happened, in 1931 England was forced off the Gold Standard along with Scandinavia and the Commonwealth, with the devaluation of the pound. By devaluation the countries concerned were not worse off but they were able to develop their internal expansion. As a result, England was able to

recover to a good degree from the depression while other countries experienced the worst of it. France was practically torn to pieces by not following the measures adopted by the above countries. She chose to maintain the old parity rate of the 1930s.

Mr Speaker, Sir, I hope my stand would not be misinterpreted. Hardship and suffering is painful to all concerned, and it is our moral obligation to society to help ease their lot if we could do so by putting into practice constructive measures.

5.25 *ptg.*

I urge the Government, in the name of upholding the principle of parliamentary democracy and fair play to remind the State Government of Sarawak that Sarawak is still part and parcel of Malaysia and therefore should never deny access to any Malaysian from any part of the nation, within the meaning of the law.

I am very concerned, Sir, that many of our produces are unable to find markets in other countries and thereby contributing to their low prices, especially in the case of timber, rubber and other produces.

I, therefore, urge the Government to inject more efforts and urge our trade missions to look for other ways and means to sell our produces in the international markets. We must not be satisfied with our traditional foreign buyers, for satisfaction leads to complacency and complacency will result in very adverse economic effects for our country.

Last, but not least, Sir, I congratulate you on being elected as the Deputy Speaker of this new Dewan Rakyat and with your vast experience, I hope that you will carry out your duty admirably.

5.58 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong dan berbak-banyak syukur dan menjunjung kasih ke bawah Duli kerana Titah Ucapan ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat.

Saya suka menyentuh di segi pembangunan iaitu di bidang pertanian. Contohnya, di Negeri Kedah. Sebagai negeri jelapang padi banyak lagi tanah-tanah bendang yang tidak dapat dijadikan bendang ataupun tanaman padi dua kali setahun. Ini disebabkan dengan tidak ada taliair-taliair yang sempurna. Sebagai satu tempat, misalnya, di Kota Kuala Muda yang mempunyai tanah lebih dari 5,000 atau 6,000 relung dan lagi banyak tempat-tempat yang berdekatan yang mengalami begitu. Saya harap Kerajaan akan bertindak memberikan taliair yang sempurna kepada petani-petani supaya mereka dapat menanam dua kali setahun dan dengan ini mereka dapat meninggikan lagi taraf hidup mereka dan mengeluarkan hasil padi yang lebih untuk mengatasi inflasi.

Di dalam pertanian juga di sana banyak didapati tikus-tikus sedang bermaharajalela sampai beribu-ribu ekor. Baharu-baharu ini di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah ada diberitahu di Pulau Pinang sana Jabatan Pertanian ada sebuah alat yang boleh digunakan untuk membunuh tikus-tikus dan dengan ini saya harap Kerajaan akan memberikan sedikit peruntukan kepada Jabatan Pertanian Negeri Kedah supaya dapat mereka menggunakan alat-alat ini dengan secara menggunakan gas kepada lubang-lubang tikus dan membunuh tikus-tikus ini, kerana tikus amatlah merbahaya kepada benih-benih padi.

Mengenai pembangunan iaitu bekalan letrik. Banyak lagi kampung-kampung yang tidak dapat bekalan letrik walaupun wayarnya sudah dipasang lebih dari setahun, ini menyebabkan penduduk di sana berasa hampa. Kata mereka orang-orang yang di bandar dapat melihat talivisyen, duduk di dalam terang dan selesa, tetapi mereka di dalam gelap. Hidung anak isteri mereka habis berjelaga hitam, maklumlah menggunakan lampu minyak tanah. Saya harap pihak Kerajaan akan memberi tambahan peruntukan kepada Lembaga Letrik Negara supaya mereka di kampung-kampung di tempat yang saya sebutkan tadi mendapat layanan saksama seperti orang-orang di dalam bandar.

Menyentuh segi pelajaran pula, saya suka memberi sedikit teguran sebab kita semua tahu yang Kerajaan akan memberi buku-buku teks kepada murid-murid miskin. Saya harap buku-buku ini akan sampai kepada

murid-murid di sekolah-sekolah rendah itu di dalam masa yang berpatutan, jangan seperti tahun-tahun yang lepas sampai lebih daripada penggal dua, ini akan mengakibatkan berlaku keciciran anak-anak kita di masa hadapan. Saya juga menyokong penuh di atas tertubuhnya sebuah Jawatankuasa untuk menyemak pelaksanaan dasar pelajaran itu.

Yang penghabisan mengenai belia pula. Saya rasa apabila tertubuhnya banyak kilang-kilang di merata-rata tempat masaalah belia tidaklah rumit, yang rumit sebab mereka tidak ada pekerjaan. Dengan ini saya harap majikan-majikan yang ada kilang-kilang di merata tempat saya dapat tahu bahawa kilang-kilang ini tidak ada bahan-bahan mentah yang cukup kerana belia-belia yang bekerja di kilang-kilang ini hanya dapat bekerja 3 hari seminggu, yang lain duduk diam. Kalau buruh-buruh itu dari kalangan bujang tidaklah begitu susah tetapi yang ada anak isteri, kalau 3 hari makan, 4 hari tidak makan bagaimanakah kedudukan mereka. Di sini saya mengambil peluang memberi tahu Kerajaan supaya memberi perhatian kepada persatuan-persatuan belia yang mana Kerajaan patutlah menambahkan lagi peruntukan supaya dapat persatuan-persatuan belia ini memberi kursus sivistik dan penerangan yang berguna kepada belia-belia kita, sebab saya berpendapat di segi penerangan-penerangan sivistik inilah akan membetulkan akhlak-akhlak belia-belia kita di masa hadapan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

6.03 ptg.

**Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukacita saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang baharu dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua di atas perlantikan Yang Berhormat-Yang Berhormat. Doa saya supaya Tuhan kurniakan tenaga dan senentiasa berada dalam keadaan muda.

Sukacita juga saya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana Titah Ucapan Kebawah Duli dan saya ucapkan syabas kepada Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak di atas langkah kewangan dan kawalan harga barang-barang keperluan yang diambil bagi mengawal inflasi

yang kita sedang hadapi. Saya agak rakyat terutamanya penanam-penanam padi di kawasan utara, saya percaya sangat terhutang budi kepada Kerajaan di atas subsidi baja dan juga di atas pinjaman yang dikeluarkan di bawah pinjaman C.G.C. Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah menegaskan di antara lain soal inflasi, stagflasi dan usaha-usaha untuk menggiatkan lagi pengeluaran tanaman-tanaman, bahan-bahan makanan dalam negara ini. Inflasi memang telah berlaku dan mungkin kita alami buat beberapa waktu lagi dan rakyat pendeknya telah terpaksa menerimanya, tetapi adalah diharap kadar inflasi ini akan dapat dikurangkan lagi. Di dalam usaha ini seharusnya kita memberi perhatian berat kepada golongan yang bergaji tetap, rendah dan juga penerima-penerima pencen. Dalam masaalah stagflasi pula, saya fikir kerajaan seharusnya mencari jalan membantu manufacturers dan industri-industri, terutamanya yang labour intensive dan yang export orientated. Bagi manufacturers ini dan industri-industri ini bantuan perlu diberi bagi mengurangkan bebanan kos pengeluaran finished product dengan cara melonggarkan credit oleh kerana adalah nyata bahawa kenaikan harga barang-barang "capital goods" dan bahan-bahan mentah yang diimpot telah meningkat lebih daripada 40% pukul rata.

Dalam keadaan ekonomi sekarang ini di mana stock exchange atau pasaran saham telah merosot dan tidak lagi menjadi sebagai satu sumber bekalan wang oleh kerana suasana muram bermaknalah bahawa sumber-sumber pinjaman wang yang tinggal hanyalah commercial bank saja. Bank-bank seharusnya diizinkan melonggarkan limitnya sedikit untuk memberi bantuan yang lebih positif dan realistik kepada industri-industri ini. Sambil kita memberi keutamaan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha tempatan, kita seharusnya juga tidak lupa kepada pengusaha-pengusaha non-resident company di mana ada orang-orang tempatan menanam modal yang agak banyak dan perusahaannya terlibat dengan perusahaan-perusahaan yang berkaitan dengan timber industry dan juga di mana perusahaannya adalah labour intensive. Pinjaman wang untuk operation mereka patut juga dilonggarkan untuk menggalakkan guna-tenaga dan perkembangan, terutama sekali apabila kita

sudah dapat tahu daripada kajian FIDA bahawa G.N.P. kita mungkin kalau tidak dikawal akan jatuh sebanyak 8% masa yang akan datang. Maka seharusnya kita membina investment climate dan jangan membenar sikap menunggu giliran recession kita bagi menghalang pembangunan sehinggalah keadaan boleh menjadi mungkin sukar lagi.

Ekspot bahan-bahan terutama sekali getah, oil palm, tin dan kayu merupakan pendapatan wang asing yang terbesar bagi negara kita. Tetapi apa yang menyedihkan kita kebanyakan daripada keluaran kita, terutamanya getah dan kayu diekspot dalam bentuk mentah dan non-finished product. Dimasa-masa yang lampau alasan yang diberi adalah oleh kerana kita tidak mempunyai know-how dan technology, tetapi sekarang jika kita kaji kos pengeluaran kita dapati harga freight dan harga upahan, harga freight adalah sangat tinggi, kadang-kadang kos freight merupakan 1/3 dari kos pengeluaran. Oleh itu, kerajaan perlu ambil langkah yang lebih positif untuk mendapat kajian tentang hal ini dan cari ikhtiar memberi incentive untuk menggalakkan buatan finished product dari bahan-bahan getah dan kayu di sini. Dengan secara ini kita boleh menambah pendapatan ekspot, disamping itu menambah industri dan pekerjaan dalam negara. Ini bagi mengurangkan pengangguran dan bagi memberi peluang bekerja kepada murid-murid lepasan sekolah pada tahun-tahun yang akan datang.

Satu perkara yang saya sebutkan tadi ialah soal freight charges yang begitu tinggi sekarang ini. Kita sedar bahawa barangan ekspot kita sebenarnya dapat bertanding dipasaran dunia, tetapi oleh kerana freight charges tinggi harga barang-barang itu sudah jadi non-competitive. Maka dengan hal yang demikian, Kerajaan seharusnya mencari jalan mengatasi masaalah ini samada dengan tambahan kapal kepunyaan kita atau sewa ataupun dengan secara subsidi untuk membolehkan barangan-barangan ekspot kita bertanding dengan negara-negara lain. Dan ini akan menambah pendapatan ekspot.

Di samping itu dalam usaha kayu-kayan soal export duty mesti juga seharusnya ditimbang semula supaya kita dapat membantu pengeluar-pengeluar bahan-bahan kayu kita untuk ekspot.

Berbalik kepada soal inflasi, satu perkara yang boleh diatasi ialah bagi negara ini menumpukan perhatian dan usaha-usaha terhadap pertanian seperti mana yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya. Setakat ini tegasan diberi atas pembangunan kemajuan tanah untuk kelapa sawit dan getah, tetapi tidak begitu positif dalam bahan-bahan makanan, kerana masalah cash dan profit intensive dan marketing belum begitu terjamin dalam bidang ini. Keadaan inflasi dunia yang baru-baru ini telah bertambah lagi oleh sebab kekurangan pengeluaran pertanian dan krisis tenaga telah memberi kesan yang nyata atas ekonomi Malaysia. Harga telah meningkat sebanyak purata 4% setahun dalam tahun 1971 hingga 1973 dalam suku pertama tahun 1974 sahaja tingkatan harga dalam negeri telah terus meningkat sebanyak purata lebih kurang 5.8% dalam tempoh yang sama bagi tahun sebelumnya.

Perkara-perkara yang telah nyata naik harga dengan banyak hasil dan tekanan inflasi ialah barang-barang makanan. Index harga pengguna bagi makanan adalah 153% dan index harga penggunaan am sebanyak 139%. Kesan-jesan kenaikan harga barangan ini adalah sangat dirasai di kalangan golongan yang berpendapatan rendah. Mereka yang bergaji rendah, pekerja-pekerja di lapangan awam dan orang-orang yang menerima pencen terpaksa mengeluarkan wang simpanan yang lebih untuk memperoleh barang-barang yang kurang. Tambahan gaji dan bonos tidak seimbang dengan kenaikan harga hasilnya telah terdapat jurang lebih luas di antara mereka yang berpendapatan sehabis-habis rendah dan mereka yang berpendapatan lebih tinggi.

Satu langkah yang penting untuk mengawal kesan recession yang dijangka berlaku di negara-negara yang industrial adalah terletak dalam dasar pertanian, setakat ini pertanian merupakan seolah-olah tulang-belakang ekonomi Malaysia dan juga merupakan pendapatan wang asing yang terbesar. Walau bagaimanapun, ini merupakan hasil dari tanaman, tanaman bukan makanan seperti getah, koko, kayu, minyak kelapa sawit dan lain-lain lagi. Sebahagian besar keperluan barang-barang makanan kita masih lagi diimportkan, oleh kerana makanan adalah merupakan bahan inflasi tunggal yang

terbesar, maka usaha-usaha seharusnya ditumpukan bagi mengurangkan pergantungan kita kepada negeri-negeri lain untuk memperoleh makanan. Usaha-usaha harus dibuat untuk menanam bahan-bahan makanan ini sendiri dan dengan ini mengurangkan import. Bahan-bahan makanan yang diimport yang boleh ditanam di Malaysia berjumlah lebih kurang \$260 juta. Sejumlah \$260 juta ini dapat disimpan sekiranya kita mencukupkan penanaman bahan-bahan makanan dalam negeri ini. Lagi pula kita akan terlindung dari sebarang kesan yang buruk akibat recession di negara-negara lain.

Setakat ini Malaysia mengeluarkan sebanyak 90% keperluan beras dalam negara, cara untuk mendekati adalah dua. Pertama, kawasan yang ditanam padi ditambah, kemudian kawasan-kawasan yang telah ditanam dua kali setahun. Pertolongan bagi pengeluaran penanaman padi patut diteruskan, misalnya, kredit-kredit ditambah, komplek pengering patut dianggap sebagai social amenity untuk membantu petani kita. Bantuan pemasaran subsidi padi dan beras dan baja seharusnya diteruskan. Pengeluaran yang cukup bagi pengeluaran negara Malaysia seharusnya tidak lagi akan mengalami krisis beras seperti apa yang berlaku pada tahun 1973. Lain-lain tanaman dan keluaran daging ada juga didapati di Malaysia. Masalahnya tidak cukup dikeluarkan pasaran tempatan, tegasan hendaklah dibuat supaya keluaran ini dikeluarkan di tempat-tempat dan tidak bergantung kepada negara-negara asing yang mana kebolehan untuk membekal pada harga yang berpatutan akan dipersalahkan dalam keadaan recession.

Sekarang ini Jabatan Pertanian kita cuma ditugaskan sebagai penasihat dan penyelidik dan tidak pula bergerak sebagai tenaga pelaksanaan dan masih tidak ada lagi rancangan yang tertentu untuk tanaman bahan-bahan makanan, hasil kajian mengenai land based bagi meninggikan kekayaan. Tanah-tanah sawah, pertanian dan lain-lain masih belum dijalankan dan begitu juga soal teknik menambahkan pengeluaran dan lebih-lebih lagi tentang pengurusan. Umpamanya, di Semenanjung Malaysia kita mempunyai satu juta ekar tanah bendang, tetapi setakat ini kita cuma mengadakan rancangan tanaman dua kali dalam satu kawasan yang berjumlah 250,000 ekar sahaja, yang diberi pengurusan tertentu melalui Kemubu dan

MADA. Baki 750,000 ekar lagi adalah tinggal di tangan perseorangan di mana pengeluarannya tidak boleh ditambah kerana kekurangan expertise. Sekiranya cara-cara pentadbiran seperti Kemubu atau MADA dapat diberi ke kawasan-kawasan ini, mungkin kita dapat memperoleh 100% bekalan beras dan di samping itu dapat menyelamatkan pembelian beras daripada luar negeri dan dengan sendirinya menyelamatkan perbelanjaan kita dari segi foreign exchange yang sekarang ini berjumlah lebih kurang \$200 juta tiap-tiap satu tahun. Dari segi tanaman dan lain-lain pemeliharaan Kerajaan seharusnya memberi initiative seperti pioneer industry yang diberikan kepada industri-industri lain bagi mengalkan penambahan tanaman dan ternakan secara besar-besaran berasaskan kepada profit intensive. Beribu-ribu lagi ekar tanah disused tin mine dan lembah yang belum diusahakan sekarang ini yang perlu dikaji dan diusahakan secara moden dengan bantuan pentadbiran yang betul-betul mahir dan berpengalaman.

6.17 ptg.

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyumbangkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas ucapan tahniah dan terima kasih terhadap Titah Ucapan Baginda. Di samping itu, saya mengambil peluang untuk menyentuh beberapa perkara yang menarik perhatian saya.

Usaha menentang inflasi ialah satu perkara yang pada pendapat saya sangat-sangat kita puji atas ingatan Seri Paduka Baginda. Di negara kita ada banyak tanah-tanah yang membazir sahaja tidak mengeluarkan hasil apa-apa iaitu reserve yang dipunyai oleh J.P.T. ataupun J.K.R. atau Jabatan Keretapi. Kalau reserve ini dapat diberi kepada orang-orang maka tentu sahaja ini adalah satu cara dan langkah di mana mereka boleh menambahkan usaha bercucuk tanam, bukan sahaja untuk dijual tetapi juga untuk kegunaan sendiri.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh perkara kursus pertanian. Di Semenanjung Malaysia ada beberapa ladang kelapa di mana hasilnya ialah lebih kurang 2,970 biji daripada ladang-ladang kelapa yang besar iaitu estet, dan daripada pekebun-pekebun

kecil ialah 1,300 biji apabila dikutip tiap-tiap 10 atau 11 bulan. Mengapa ada perbezaan yang begitu besar di antara hasil pekebun-pekebun kecil dan pekebun-pekebun besar. Sepatutnya pusat-pusat kajian hendaklah lebih giat memberi nasihat dan tunjukajar kepada petani-petani terutama pekebun-pekebun kecil supaya mereka dapat tahu cara-cara menanam, cara-cara menjaga kebun supaya hasil kebun mereka bertambah itu ditambahkan sebagaimana hasil yang diperolehi oleh pekebun-pekebun besar. Kawasan pertanian juga hendaklah diperluaskan kerana dengan cara ini dapat menambahkan usaha, tetapi jika hasil daripada cucuk tanam pekebun-pekebun ini tidak dapat dipasarkan, maka keuntungan daripada hasil-hasil ini bukan dapat kepada petani-petani tetapi dapat kepada orang-tengah sahaja. Di sini saya berpendapat FAMA hendaklah lebih giat lagi. Jika hendak menentang orang-tengah, maka sepatutnyalah FAMA mengubah perlembagaan yang ada sekarang, jika hendak menentang orang-tengah FAMA patut sangat menggunakan senjata seperti yang digunakan oleh orang-tengah.

Orang-tengah misalnya, pada malam hari pun, jika ada petani-petani yang hendak meminta pertolongan, katakan anaknya sakit, isterinya hendak bersalin, hendak meminjam wang, maka pada bila-bila masa orang-tengah itu ada di kampung, ada di luar bandar dan memberi pinjaman-pinjaman ini kepada petani-petani di kampung. Tetapi FAMA, kerana saya telah berhubung dengan pegawai-pegawai di peringkat daerah, mengatakan mereka tidak dapat membuat cara ini kerana tangan mereka terikat oleh perlembagaan yang masih diamalkan oleh FAMA yang tidak sesuai pada masa sekarang.

Meninggikan pendapatan penduduk di luar bandar juga menarik perhatian saya. Di Semenanjung Malaysia ada lebih kurang 517,000 ekar tanah yang ditanam dengan kelapa dan hasilnya ialah 815 juta biji setahun. Negara kita ialah negara yang keenam mengeluarkan banyak kelapa. Negeri Filipina mengeluarkan lebih kurang 7,200 juta biji setahun, Indonesia 5,615 juta biji dan kita ialah yang ke enam sesudah Thailand iaitu 905 juta biji lebih kurang setahun. Sungguhpun daripada angka-angka ini kita dapat bahawa negara kita banyak mengeluarkan kelapa, tetapi sehingga hari ini

belum ada lagi satu pun perusahaan yang benar-benar boleh dikatakan memproses kelapa di negara kita yang terkenal sebagai perusahaan yang menggunakan semua bahan daripada kelapa iaitu daripada uratnya sampai ke batang, sampai ke dahan, sampai ke lidi dan sampai ke buahnya—belum ada lagi. Ini, ialah kekurangan pengalaman dan juga kekurangan kemahiran. Sudah barang-kali sampai masanya bagi pihak Kementerian dan Kerajaan mengambil perhatian kepada laporan yang dibuat oleh pihak FIDA, kerana saya ada membaca suatu laporan yang tebal yang dibuat oleh FIDA, dan menggunakan laporan ini untuk menimbang-kam samada boleh Kerajaan menambahkan pendapatan luar bandar dengan menubuhkan sebuah perusahaan seperti yang saya katakan tadi dengan menggunakan bahan-bahan tempatan agro-based.

Saya juga suka menyentuh berkenaan dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mengatakan bahawa pemodal asing harus menyedari hasrat rakyat dan Kerajaan. Di sini saya suka membawa beberapa contoh: ada diantara pemodal asing yang tidak menghormati arahan daripada Kementerian. Ada daripada mereka yang tidak patuh kepada keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah. Baru-baru ini ada seorang kerani besar daripada sebuah lombong yang telah berkhidmat selama 25 tahun telah diberhentikan kerja. Mengikut peraturan-peraturan yang tertentu, beliau telah membuat rayuan dan telah diputuskan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat diambil semula, tetapi arahan yang dibuat oleh Kementerian ini tidak dihormati oleh pihak majikan dan telah dibawa ke Mahkamah. Keputusan Mahkamah pun begitu juga, iaitu kerani besar ini hendaklah diambil semula, tetapi sehingga hari ini perkara tersebut masih lagi tergantung; kerana kaum pemodal asing ini tidak menghormati perintah-perintah dan arahan-arahan yang saya sebutkan tadi. Juga ada separuh-separuh ladang kelapa sawit, getah dan lombong-lombong di negara kita ini dibuat oleh kaum-kaum pemodal sebagai their "Little England"—sebagai tanah penjajahan mereka sendiri. Kita sendiri, Wakil-wakil Rakyat kalau hendak pergi melawat ke ladang-ladang ini, ada kalanya tidak dibenarkan oleh tuan-tuan ladang itu. Di sini haruslah kita mengambil perhatian

berat sedikit, kerana sungguhpun ladang-ladang yang luasnya dua tiga ribu ekar itu dianggap seperti private property; tetapi kaum-kaum pemodal ini hendaklah sedar kepada apa yang dimaksudkan di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, iaitu mereka harus menyedari hasrat rakyat dan juga Kerajaan.

6.28 ptg.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita kerana mendapat peluang bercakap dengan rengkasnya di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi pembukaan Parlimen ini yang menjadi panduan kepada kita semua. Dengan adanya kesedaran Kerajaan dalam menghadapi masalah inflasi atau stagflasi, maka sudah barang tentu rakyat di negara ini berasa lapang, terutama sekali rakyat yang berpendapatan rendah seperti yang terdapat di luar bandar daripada kaum tani dan nelayan yang sentiasa hidup membanting tulang supaya dapat hidup lebih baik dan sempurna lagi. Kita berharap juga ajensi-ajensi Kerajaan, baik di peringkat Pusat dan Negeri mahupun daerah seterusnya menunjukkan segala peranan yang berkesan supaya menjadi bukti kepada rakyat yang benar-benar merasa kesusahan bagi menghadapi serangan stagflasi yang merebak di seluruh dunia sekarang.

Di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda juga menitik-beratkan di antara lain, negara kita di anugerahkan dengan tanah yang subur, hasil buminya kaya. Ini adalah menjadi satu rahmat yang tidak ada tolok bandingnya kepada rakyat di negara ini. Walaupun demikian, sudah tentu kita tidak berpeluk tubuh sahaja, bahkan kita terus berusaha lebih giat lagi bagi menentukan tanah yang subur, bumi yang kaya untuk dinikmati bersama oleh rakyat jelata supaya bekalan makanan, terutamanya beras mencukupi untuk keperluan rakyat di dalam negara kita ini. Bagi kami di Sarawak sekarang masih berkehendakkan beras dibawa dari luar negeri iaitu lebihkurang 50% bagi keperluan rakyat di situ.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya memberi bantuan baja kepada penanam padi bukit lebih banyak lagi dan juga

menggalakkan rakyat menanam padi di luar musim . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan-

nya pada hari esok. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*